



● BIL 278 ● 6 - 12 SEPTEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

KENYALANG terbang tinggi

>> 2-3

Sarawak bangun
tenaga hidrogen
>>3

Nilai unggul
budaya
>>8

Badai Mpox
bermula
>>9-11



SARAWAK bakal muncul sebagai sebuah wilayah yang maju pada tahun 2030. - Gambar hiasan

Muncul wilayah berjaya

PERPADUAN TUNJANG UTAMA

AZLAN ZAMBRY

PERPADUAN dan kebersamaan merupakan elemen penting yang menunjang falsafah Sarawak sekali gus membuktikan formula berkesan sehingga tampil sebagai sebuah wilayah yang berjaya di antara negeri-negeri lain yang membentuk Malaysia.

Pengerusi Kursi Pehin Sri Adenan Satem, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu, **Profesor Madya Dr Mohamad Maulana Magiman** berkata pembangunan Sarawak pada masa ini adalah atas dasar kesepakatan di antara penduduknya yang berbilang kaum tanpa menekankan kepada kepentingan individu menjadikan polisi yang diperkenalkan kerajaan yang dipimpin Premier Sarawak, Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari Abang Openg disokong penuh rakyat jelata.

“Dasar Politik Pembangunan Rakyat yang ditunjangi oleh pemimpin di Sarawak bermula pada zaman Tun Abdul Taib Mahmud yang menekankan kepada Politik Pembangunan yang tidak hanya menjurus kepada parti yang memerintah, tetapi dicanang dengan kesepakatan antara kaum yang membentuk pentadbiran yang stabil.

“Pada zaman Abdul Taib, beliau telah mempopularkan konsep Politik Pembangunan bagi memastikan Sarawak turut maju dengan negeri-negeri lain menjelang tahun 2020 serta memperkenalkan model politik perkongsian kuasa melalui perpaduan dalam kalangan Bumiputera Sarawak dengan sokongan kerajaan pusat pada masa itu,” katanya.

Wilayahku.

Menjelas lanjut, Mohamad Maulana berkata legasi itu diteruskan oleh Pehin Sri Adenan Satem yang meneruskan pembangunan politik Sarawak dengan menekankan konsep keharmonian dalam kalangan penduduk Sarawak yang tidak mahu fahaman melampau berkembang di Sarawak dan mahukan perpaduan dikekalkan oleh semua rakyat tanpa mengira latar belakang agama atau budaya dalam satu bumbung yang sama.

“Dalam perkara ini beliau turut menekankan bahawa sebagai Ketua Menteri Sarawak, beliau adalah Ketua Menteri untuk semua bangsa dengan menjelaskan konsep menghormati antara satu sama lain.

“Selain itu, sumbangan yang besar beliau adalah memperjuangkan hak Sarawak menerusi Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dengan meminta agar pemberian royalti minyak kepada Sarawak ditingkatkan selain berjaya mendapatkan projek mega Lebuhraya Pan Borneo yang giat dibina dan tiada penetapan tol,” katanya.

Katanya, usaha tersebut sebenarnya membangunkan ekonomi Sarawak selain untuk kemudahan rakyat di Sarawak yang perlu setanding dengan negeri-negeri di Malaysia.

“Dengan penyambungan dasar politik Pembangunan di Sarawak telah menjadikan Sarawak sebagai sebuah wilayah yang mempunyai pendapatan sendiri dengan menekankan kepada perkongsian kuasa,” katanya.

Menurut Mohamad Maulana, legasi Pembangunan Sarawak diteruskan

oleh Premier Sarawak, yang mesra disapa Abang Jo berteraskan kepada pemodenan Sarawak melalui pelbagai inisiatif yang sekali gus memperkasa sosioekonomi rakyat dengan memperkenalkan Dasar Ekonomi Digital.

“Dasar yang diperkenalkan ini adalah menjurus kepada Pembangunan berdasarkan perubahan global melalui ledakan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), yang sekali gus mewujudkan perubahan era digital dan dunia tanpa sempadan.

“Pelbagai bentuk inisiatif seperti mewujudkan Lembaga Multimedia Sarawak (SMA), Bank Pembangunan Sarawak (DBOS), Petroleum Sarawak Berhad (PETROS), Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Ekonomi hijau dan sebagainya adalah untuk manfaat rakyat Sarawak.

“Kesemua yang diterjemahkan sehingga kini oleh kepimpinan telah meletakkan Sarawak mencatatkan kedudukan tertinggi dalam peningkatan nilai eksport selepas Selangor,” katanya.

Tambahnya, melalui Petroleum Sarawak Bhd (Petros) telah mula untuk menempatkan Sarawak di kedudukan yang baik ke arah mencapai ekonomi rendah karbon dengan menyediakan tenaga bersih dan bahan api rendah karbon seperti gas asli cecair dan hidrogen.

Menurut beliau, Pelan Hala Tuju Gas Sarawak mencatatkan peningkatan penggunaan gas asli telah merangsang pertumbuhan industri hilir kepada pendapatan tinggi dengan memberi peluang pekerjaan kepada anak tempatan. 

ATM pertahan kedaulatan

KEDAULATAN penting bagi memastikan negara dapat membuat keputusan dan dasar mengikut kepentingan dan keperluan rakyatnya.

Penganalisis pertahanan, **Zaki Salleh** berkata keselamatan negara termasuk perlindungan terhadap ancaman dalam dan luaran.

Jelasnya ancaman dimaksudkan seperti keganasan, pengintipan atau pencerobohan tentera dari negara lain. Tanpa keselamatan yang mencukupi, negara boleh mengalami ketidakstabilan, huru-hara bahkan runtuh.

“Dengan mengekalkan kedaulatan, negara boleh mencegah dan bertindak balas terhadap ancaman yang mungkin timbul dari luar, seperti serangan tentera atau campur tangan politik. Ini penting untuk melindungi integriti wilayah dan kepentingan negara.

“Kedaulatan membantu melindungi identiti dan budaya sesebuah negara. Dalam menghadapi globalisasi dan pengaruh luar, mengekalkan kedaulatan membantu dalam memastikan nilai dan tradisi tempatan terus dihormati dan dipelihara,” ujar beliau.

Tambahnya, negara yang mempunyai keselamatan dan kedaulatan yang kukuh cenderung mempunyai hubungan antarabangsa yang stabil dan dipercayai.

“Keamanan yang dikehendaki negeri Sarawak, seperti juga negeri-negeri lain di Malaysia adalah sebahagian daripada dasar keselamatan negara.

“Pasukan keselamatan terutamanya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan wilayah Malaysia termasuk Sarawak.

“ATM ditugaskan untuk menjaga keselamatan, melindungi sempadan dan menghadapi ancaman dari dalam dan luar negara.

“Ini termasuk keselamatan sempadan, rondaan serta tindak balas terhadap potensi ancaman seperti keganasan atau insiden rentas sempadan.

“Penglibatan ATM di Sarawak lebih popular selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Inilah saat bersejarah Malaysia secara rasmi diisytiharkan sebagai sebuah negara yang terdiri daripada negeri-negeri Malaya, Sarawak dan Sabah.

“Ketika itu Sarawak sedang berhadapan konfrontasi dengan Indonesia apabila kerajaan

Indonesia tidak bersetuju penubuhan Malaysia ini sekali gus menyebabkan konflik yang tegang.

“Kawalan keselamatan diperketatkan ATM dengan beberapa tentera khususnya dari Semenanjung bertungkus-lumus menjaga keamanan sempadan Sarawak yang juga pada ketika itu menerima ancaman daripada komunis.

“Sejarah Konfrontasi Indonesia-Malaysia bermula sejak 20 Januari 1963 hingga 11 Ogos 1966,” katanya.

Tambahnya kemudian terbentuk atau tertubuhnya Kawasan Keselamatan Rajang (RASCOM) pada 26 Mac 1972.

“Secara umumnya, RASCOM adalah sebuah badan yang ditugaskan untuk menjaga dan membentras kegiatan komunis di Bahagian Ketiga (kini dikenali sebagai Bahagian Sibu) Sarawak.

“Peranan badan ini penting dalam menjaga keselamatan penduduk di bahagian terbabit dan penubuhannya mampu mengawal kegiatan komunis pada ketika itu.

“Pihak komunis bukan sahaja melakukan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan, tetapi telah melakukan juga ugutan dan kekerasan ke atas penduduk tempatan.

“Atas sebab itu pihak kerajaan mula merancang untuk melakukan usaha membendung dan menghalau masalah ini dengan menubuhkan RASCOM.

“Penubuhan RASCOM ini menggabungkan pihak awam, polis dan tentera dengan objektif untuk membolehkan dasar, keputusan dibuat dan dilaksanakan dengan lebih pantas dan cekap,” jelasnya.

Sehubungan dengan itu, secara dasarnya Zaki memberitahu Markas Pemerintahan Medan Timur (Sabah Sarawak) yang terdiri daripada Markas 1 Divisyen Infantri (Sarawak) mempunyai 3 Briged Infantri, 9 Briged Infantri serta 31 Briged Infantri.

“Secara kasar 1 briged berkekuatan 3,000 hingga 5,000 anggota. Jadi sebuah divisyen dalam anggaran 15,000 hingga 25,000 anggota,” ujarnya.

Jelas Zaki, antara Ops ketenteraan seperti Ops Ngayau, Ops Ukur, Ops Keris, Ops Benteng adalah antara bukti bahawa ATM sentiasa mempertahankan kedaulatan negeri Sarawak dibantu dengan kekuatan-kekuatan tentera di seluruh pelosok Malaysia.

Zaki berkata pengorbanan dan jasa seorang tentera memang tiada tolak bandingnya. 



ZAKI

Sarawak dapat pengiktirafan antarabangsa

BANGUN TENAGA HIDROGEN

PEMBERIAN geran daripada Kementerian Ekonomi dan Kewangan Korea Selatan pada Jun lalu merupakan satu pengiktirafan kepada usaha bersungguh-sungguh Kerajaan Sarawak dalam membangunkan sektor pembangunan tenaga menerusi hidrogen.

Menurut seorang pensyarah yang berasal dari Kuching, Sarawak, **Dr Suffian Mansor**, kesungguhan membangunkan tenaga hidrogen itu merupakan matlamat utama Sarawak di bawah kepimpinan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg.

Suffian yang juga merupakan Pensyarah Kanan Program Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata langkah itu juga salah satu usaha mempelbagaikan sumber ekonomi Sarawak untuk menjana pembangunan ekonomi masa depan.

“Dalam pada itu usaha bersungguh-sungguh kerajaan Sarawak ini dijelaskan dengan beberapa kajian yang menarik minat negara luar untuk memberi sokongan.

“Hal ini akan meletakkan Sarawak sebagai salah satu negeri yang berpotensi menjadi negeri maju,” katanya.

Pada 10 Jun lalu, Kerajaan



SUFFIAN

Sarawak menerima geran daripada Kementerian Ekonomi dan Kewangan Korea Selatan bagi melaksanakan kajian pembangunan hala tuju hidrogen di negeri itu.

Abang Johari berkata geran berkenaan yang disalurkan kepada Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar membolehkan satu pelan tindakan komprehensif dilaksanakan untuk memanfaatkan potensi besar tenaga hidrogen.

Tanpa mendedahkan jumlah geran yang diterima, Abang Johari berkata pemberian geran oleh Kerajaan Korea Selatan itu menunjukkan komitmen Sarawak untuk memacu peralihan tenaga secara kolektif mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Sementara itu, Suffian berkata tenaga dari hidrogen itu juga akan diguna pakai dalam sektor industri dan domestik di Sarawak.

Beliau berkata apa yang menariknya nanti Sarawak bakal menjadi pengeluar atau pengekspor kepada tenaga hidrogen menjelang tahun 2027.

“Cita-cita untuk ke arah itu telah lama dirancang oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ini merupakan satu perkara yang harus dicontohi negeri-negeri lain,” katanya.



DIJANGKAKAN lebih 800.000 penduduk Kuching bakal mendapat faedah daripada kewujudan ART. - Gambar hiasan

Tambah Suffian, apa yang penting adalah pembangunan dan kemakmuran negeri untuk rakyat.

Beliau berkata idea itu dipegang oleh kerajaan negeri Sarawak pimpinan Abang Johari.

“Di bawah kepimpinan Kerajaan Perpaduan masalah politik telah dapat diredakan dan pembangunan dapat digerakkan dengan baik.

“Ini juga kerana kestabilan Kerajaan Negeri Sarawak yang dapat mengurus pembangunan dan kemajuan negerinya dengan

baik,” katanya.

Jelasnya sejak awal Abang Johari memimpin Sarawak, matlamat utama beliau adalah ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negeri Sarawak.

Beliau berkata oleh itu Abang Johari melontarkan idea yang mempunyai potensi pembangunan masa depan seperti ekonomi digital hingga kepada pembangunan kepada sektor tenaga hidrogen.

“Dengan cara ini beliau dapat membangunkan Sarawak dalam

pelbagai aspek terutamanya jalan raya dari hasil ekonomi sumber hidrogen ini.

“Beliau mahu pembangunan jalan raya menghubungi semua kawasan di Sarawak dibina dan ini akan mendatangkan hasil lumayan bagi pembangunan negeri dan rakyat Sarawak,” ujarnya.

Selain itu, Projek Sistem Aliran Transit Automasi (ART) Kuching yang sedang dijalankan merupakan sistem pengangkutan moden berkuasa hidrogen.

Pencapaian luar biasa

PROJEK Sistem Aliran Transit Automasi (ART) Kuching yang menjadi sebahagian daripada fasa pertama pelan Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) dengan anggaran kira-kira RM6 bilion telah mengubah landskap pengangkutan, sosial serta ekonomi Sarawak.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfiq Yaakub** berkata ia satu-satunya negeri wilayah Borneo yang memperkenalkan sistem pengangkutan moden.

“Projek ART akan mengubah landskap pengangkutan sekilip mata apatah lagi satu-satunya negeri di wilayah Borneo yang memperkenalkan sistem moden pengangkutan.

“Ini pencapaian luar biasa pentadbiran Kerajaan Sarawak yang mentransformasikan sistem pengangkutan yang perlu bergerak pantas lebih-lebih lagi selepas Indonesia telah memindahkan ibu negaranya ke Nusantara di Kalimantan Timur,” katanya.



TAWFIQ

Tambah Mohamad Tawfiq, projek itu juga dijangka memudahkan urusan pengangkutan awam buat semua warga Sarawak.

“Saya berpandangan projek ini akan memudahkan dan mempercepatkan pergerakan penduduk,” ujarnya.

Mohamad Tawfiq menjelaskan projek itu juga dijangka membuka satu lembaran baharu yang memberi peluang pekerjaan.

“Ia dilihat mampu memberikan pemindahan kepakaran terutamanya di dalam bidang pengangkutan bahkan juga town planner,” katanya.

Tegas beliau, projek ART tersebut juga amat signifikan kepada negeri Sarawak.

“Bagi saya projek ini amat penting sebagai penanda aras kepada transformasi sistem pengangkutan Sarawak yang sebelum ini jauh ketinggalan,” ujarnya.

Kata beliau projek tersebut memberi gambaran bahawa Kerajaan Sarawak tidak perlu bergantung harap sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan di dalam membangunkan negeri.

“Projek ini menjadi mercu kejayaan dan kemampuan Kerajaan Sarawak untuk menyediakan prasarana pengangkutan tanpa bergantung kepada kawalan 100 peratus Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan negeri berdasarkan kepada kemampuan pentadbiran Kerajaan Sarawak.

“Kerajaan Persekutuan boleh memberi sokongan dari segi nasihat, kapakaran malahan boleh menyumbang peruntukan yang bersesuaian untuk menjayakan Projek ART ini.

“Malah kerjasama erat antara Kerajaan Sarawak dan Persekutuan merupakan kunci kepada limpahan pelbagai projek pembangunan lain selepas ini di Sarawak,” katanya.

Sebagai rekod, Projek ART Kuching mempunyai tiga garisan iaitu Biru, Merah dan Hijau.

Laluan Garisan Biru, melibatkan perjalanan dari Rembus ke Riveria sepanjang 27.6 kilometer dan operasi ART berkemungkinan dapat dimulakan seawal 2026.

Garisan Merah menghubungkan Kuching Sentral dan Pending sepanjang 12.3 kilometer dan laluan Garisan Hijau dari Pending ke Damai di Santubong sepanjang 30 kilometer.

SUKMA 2024 bukti kehebatan

KEJAYAAN Sarawak menjadi juara keseluruhan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 baru-baru ini membuktikan penganguran negeri itu sebagai tuan rumah dilihat sangat tersusun.

Ahli Parlimen Sarawak dari Julau, **Datuk Larry Sng** berkata beliau sangat berpuas hati dengan penganguran SUKMA 2024.

“SUKMA 2024 yang dianjurkan baru-baru ini tersusun dengan baik dan para atlet berseronok,” katanya.

Terdahulu, Sarawak mengesahkan gelaran juara keseluruhan SUKMA 2024 dengan kelebihan sebutir emas mengatasi Wilayah Persekutuan, selepas mengharungi perebutan paling sengit. Kejayaan ini merupakan kali keempat selepas muncul juara edisi 1990, 1992 dan

1994 dengan mengumpul keseluruhan 76 pingat emas, 55 perak dan 70 gangsa.

Larry berharap Sarawak dapat menganjurkan Sukan SEA pada tahun 2027 akan datang.

Sementara itu, seorang lagi anak Sarawak, Khartini Johari berkata penganguran SUKMA 2024 baru-baru ini membuktikan Sarawak mampu menjadi tuan rumah yang terbaik untuk kemudahan para atlet dari seluruh Malaysia.

“Persiapan rapi ditambah dengan prasarana moden menjadikan penganguran SUKMA lebih meriah dan berjaya menambat hati rakyat Malaysia.

“Maka amat bertepatan sekali apabila Anwar bersetuju agar Sarawak terpilih sebagai salah satu negeri yang akan menganjurkan Sukan SEA di Malaysia tahun 2027,” katanya.



LARRY

Kenaikan gaji tingkat produktiviti

TREND kenaikan gaji mencerminkan tanda-tanda positif ekonomi negara pada masa kini serta dalam masa yang sama melahirkan pekerja yang lebih bersemangat sekali gus menambah produktiviti yang tinggi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata kenaikan gaji sebanyak sembilan peratus untuk pegawai bank di Semenanjung Malaysia seharusnya dapat menyuntik semangat dalam kalangan penjawat awam.

“Keputusan yang dibuat oleh Persatuan Bank-Bank Komersial Malaysia (MCBA) dan Persatuan Pegawai Bank Malaysia (ABOM) baru-baru ini memeterai perjanjian kolektif baharu (CA) akan memberi manfaat besar kepada pegawai bank di Semenanjung Malaysia.

“Apabila diberi insentif kenaikan gaji, ia mampu menterjemahkan satu bentuk motivasi untuk pekerja bekerja dengan lebih produktif berdedikasi.

“Selain mewujudkan kesetiaan kepada organisasi oleh pekerja-pekerja ia juga dapat melancarkan operasi sebuah syarikat termasuk dalam kes bank-bank terlibat.

“Apabila gaji ditingkatkan, ia juga mampu meningkatkan produktiviti kerja sebagai pemangkin semangat untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik.

“Apabila produktiviti semakin baik, maka ekonomi negara juga dapat berkembang dengan lebih positif,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Baru-baru ini media melaporkan, MCBA dan ABOM baru-baru ini memeterai perjanjian kolektif baharu yang akan memberi manfaat besar kepada pegawai bank di Semenanjung Malaysia.

Di bawah perjanjian ini, ahli ABOM bakal menikmati kenaikan gaji sebanyak 9.0 peratus, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari lalu.

Perjanjian kolektif yang ke-15 ini meliputi tempoh 2024 hingga 2026, akan memberi kesan kepada sekitar 3,500 pegawai bank yang berkhidmat di 10 bank komersial di seluruh Semenanjung Malaysia.

Selain kenaikan gaji, perjanjian ini juga memperkenalkan beberapa manfaat tambahan termasuk bantuan tahunan perayaan dan eluan digital bulanan.

Tambah Mohd Afzanizam, impak

positif dapat disaksikan daripada kenaikan gaji tersebut.

“Impak kenaikan gaji ini sebenarnya dapat memanfaatkan pekerja dan syarikat-syarikat apabila dibayar gaji setimpal dapat meningkatkan kemahiran dan kelayakan sekali gus mewujudkan suasana ekonomi yang positif.

“Bila ada kenaikan maka kuasa beli akan meningkat, ini memberi satu aktiviti yang baik dalam pasaran ekonomi domestik yang mampu meningkatkan pasaran ekonomi negara secara meluas,” ujarnya.

Kata beliau lagi, apabila ekonomi mula bergerak aktif, ia menunjukkan perkara positif yang dapat menarik minat pelabur asing untuk melakukan pelaburan dalam negara.

“Secara jangka panjang juga, bila ekonomi terus aktif sudah pastinya negara mempunyai kuasa kewangan yang kukuh serta mampu menarik minat pelabur asing untuk terus melabur.

“Selain merancakkan ekonomi, faktor tersebut juga akan meningkatkan daya saing dan pelabur untuk membeli instrumen kewangan seperti pasaran saham,

bond dan macam-macam lagi. Malahan ia juga dapat meningkatkan nilai ringgit itu sendiri,” katanya.

Dalam perkembangan lain, media turut melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa syarikat-syarikat swasta untuk mencontohi langkah Khazanah Nasional Berhad menetapkan gaji minimum RM3,000 sebulan untuk pekerjanya.

“Syarikat-syarikat swasta lain boleh menjadikan Khazanah sebagai satu penanda aras namun bergantung kepada kedudukan kewangan sesebuah syarikat.

“Insentif yang dilaksanakan Khazanah boleh dijadikan sebagai sebuah penanda aras syarikat-syarikat lain namun kedudukan kewangan syarikat juga perlu diambil kira.

“Selain itu, ia juga mampu untuk menarik perhatian bakat-bakat yang baik serta berkualiti tinggi sekali gus meningkatkan produktiviti sesebuah syarikat tersebut.

“Untuk menarik bakat-bakat berkualiti tinggi, nilai gaji yang positif juga menjadi ukuran atau penanda aras di dalam pasaran buruh,” ujarnya. 

Kejayaan bermakna WiPers

KEJAYAAN kontingen Wilayah Persekutuan (WiPers) mengakhiri saingan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 pada kedudukan kedua menjadi penanda aras kepada persiapan negeri itu dalam temasya sukan berprestij negara edisi ke-22 akan datang.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Dr Zaliha Mustafa** memuji prestasi cemerlang dan luar biasa dipamerkan semua atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) yang bertanding pada SUKMA 2024.

“Semangat juang tinggi yang dipamerkan setiap atlet bertanding telah berjaya membawa kepada kejayaan memecahkan beberapa rekod kebangsaan dan temasya kali ini.

“Alhamdulillah, kita capai sasaran untuk berada kedudukan dua teratas. Jumlah pungutan pingat WiPers juga yang paling tinggi berbanding negeri lain. Jika kita mampu menukar perak itu kepada emas dalam beberapa acara, mungkin kita boleh perbaiki kedudukan untuk muncul juara keseluruhan,” ujar beliau.

Wilayah Persekutuan menamatkan saingan pada SUKMA 2024 di tempat kedua dengan 75 pingat emas, 65 perak dan 72 gangsa.

Lebih manis, pasukan WiPers mencipta sejarah besar apabila menamatkan penantian 38 tahun untuk memenangi pingat emas acara bola sepak lelaki di SUKMA 2024.

Pengurus pasukan Wilayah Persekutuan, Syed Yazid Syed Omar menyifatkan pencapaian itu sebagai kejayaan besar buat kontingen Wilayah Persekutuan yang sudah lama menanti untuk memenangi ibu segala pingat.

“Kejayaan itu adalah hasil usaha keras serta kerjasama semua pihak termasuk Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA),” ujarnya.

Terdahulu, Zaliha mengumumkan insentif habuan wang tunai menanti atlet jurulatih dan pengurus pasukan. 

Projek Perumahan Rakyat Madani

BELA NASIB RAKYAT GOLONGAN B40, M40

PERSATUAN Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) sangat bersetuju dengan idea pembinaan Projek Perumahan Rakyat Madani bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan sederhana (M40) di negara ini.

Presidennya, **Datuk Mohd Rosdi Ab Aziz** berkata pihak kerajaan perlu memastikan projek berkenaan dapat direalisasikan untuk membantu rakyat sederhana dan tidak berkemampuan membeli rumah di Kuala Lumpur.

“Projek Perumahan Rakyat Madani bagus untuk membantu rakyat sederhana kerana ramai rakyat tak mampu membeli rumah di bandar raya besar seperti di Kuala Lumpur.

“Jika betul-betul ingin melaksanakan, sangat bagus dan dalam masa yang sama dapat memastikan golongan ini tidak ketinggalan memiliki rumah sendiri di kawasan ini yang sememangnya kita tahu harga rumahnya juga mahal,” katanya.

Pada 29 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyelar sikap beberapa pihak yang membantah pembinaan Projek Perumahan Rakyat bagi golongan B40 dan M40 di negara ini.

Anwar menegaskan kerajaan



ANWAR (tengah) ketika Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Residensi Suria Madani baru-baru ini.

tidak pernah menghalang pembangunan di mana-mana kawasan mewah, namun kepentingan majoriti rakyat tidak boleh diabaikan.

Katanya, majoriti rakyat di Kuala Lumpur adalah kumpulan M40 dan B40.

Anwar yang juga Menteri

Kewangan turut mengarahkan supaya pembangunan projek perumahan mampu milik di ibu kota disegerakan bagi memenuhi permintaan tinggi khususnya terhadap golongan B40 dan M40.

Beliau berkata pembangunan itu juga perlu memenuhi kriteria rakyat seperti kemudahan fasiliti

termasuklah aspek keselesaan.

Mohd Rosdi berharap agar ia dapat dilaksanakan oleh kerajaan hari ini demi kesejahteraan rakyat pada masa hadapan.

“Idea untuk rakyat yang berpendapatan sederhana ini perlu dipastikan menjadi kenyataan. Kalau tidak dipastikan betul-

Dituduh ‘tergugat’ kehadiran Tun M

IKHLAS SANTUNI RAKYAT

ADA sahaja andaian negatif yang dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan suka melaga-lagakan.

Terbaharu fitnah berniat jahat itu direka untuk memburukkan imej Anwar yang dikatakan berasa ‘tergugat’ apabila Tun M hadir dan beramah mesra dengan orang ramai pada sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Putrajaya, baru-baru ini.

Sebenarnya banyak sahaja video Anwar yang tular sedang menyantuni rakyat. Malah, sikapnya yang sanggup turun kereta semata-mata mahu bersalam dengan rakyat itu harus dipuji dan jarang dilakukan para pemimpin lain.

Kebiasaannya pemimpin lain lebih gemar melambai tangan dari dalam kereta dan tidak sesekali turun kereta dan tidak sanggup berpanas demi rakyat.

Anwar tidak perlu merancang pergerakan kamera atau video semata-mata mahu memperlihatkan beliau seorang yang berjiwa rakyat.

Beliau tidak perlukan publisiti yang sengaja dirancang kerana apa yang dilakukannya ikhlas daripada hati dan tidak mengharapkan pujian.

Satu sikap yang para pemimpin lain harus contohi. Anwar turun bersalam sebagai tanda merakamkan penghargaan tertinggi dan syabas kepada ratusan ribu rakyat Malaysia



ANWAR menyantuni rakyat pada sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Putrajaya, baru-baru ini.

pelbagai kaum yang sanggup menunggu seawal pagi demi mahu menyemarakkan sambutan kemerdekaan tahun ini.

Perdana Menteri berkata sambutan tahun ini penting dalam mencetus inspirasi untuk bersama memaknai kemerdekaan yang dinikmati sejak 67 tahun lalu.

“Saya dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hadir berhimpun di Dataran Putrajaya bersama ratusan ribu rakyat Malaysia dari seluruh negara untuk meraikan sambutan Hari Kebangsaan Ke-67.

“Bangga melihat penyertaan

penuh bersemangat dan bertenaga daripada pasukan keselamatan, badan penguat kuasa, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta serta anak-anak pelajar dalam perarakan kemerdekaan ini,” katanya menerusi perkongsian pada akaun Facebook baru-baru ini.

Anwar dalam masa sama turut menyatakan rasa kagum melihat pelbagai persembahan yang memukau terutamanya pertunjukan aset udara dan persembahan Malaysia MADANI.

Katanya, Malaysia MADANI Jiwa Merdeka mengangkat tema

integriti dengan mengetengahkan perjuangan membersihkan negara daripada rasuh.

Tema ini menunjukkan Anwar memang memperjuangkan habis-habisan gejala rasuh dan buktinya dalam persembahan semasa sambutan Hari Kebangsaan baru-baru ini.

“Persembahan dan sorakan menakjubkan daripada sekitar 2,000 anak-anak pelajar yang memenuhi pasukan Teres Grafik Manusia juga mencuri tumpuan sepanjang perarakan ini,” katanya.

¶

Tiada masa ‘bermain politik’



FAHMI FADZIL

KECOH dan menjadi buulan dalam media sosial apabila rata-rata netizen mula berbual tentang Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor yang mendakwa bahawa kerajaan ‘bermain politik’ dalam soal pembangunan yang melibatkan negeri ditadbir parti pembangkang.

Dakwaan tersebut dilihat sengaja direka dan tidak berdasarkan semata-mata hanya ingin menegangkan situasi. Sedangkan apa yang dapat dilihat, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sering kali turun ke negeri-negeri terbabit untuk melihat serta mempercepatkan pelaksanaan projek penting.

Anwar bukan sahaja memberi perhatian tentang soal pembangunan bahkan beliau pernah menegaskan tidak akan berlaku zalim dalam menyalurkan bantuan kepada negeri pembangkang.

Terbaharu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menempelak Sanusi yang dianggap lebih banyak bermain politik.

“Kenyataan beliau itu tidak benar.

Perdana Menteri bukan sahaja banyak luangkan masa melawat bagi mengenal pasti masalah yang perlu diatasi segera.

“Malah, mempercepat proses

untuk melaksanakan projek-projek seperti lawatan beliau ke Rantau Panjang untuk lihat masalah bersebelahan dengan Sungai Golok. Sejumlah perkara dipercepat.

“Saya lihat yang banyak main politik ini Menteri Besar Kedah. Main politik sampai hendak tangkap hari orang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Sidang Media Mingguan Kerajaan Perpaduan, baru-baru ini.

Tambah Fahmi, Perdana Menteri menyatakan dari awal tidak perlu ada sentimen politik dalam isu pembangunan termasuk di negeri-negeri yang diurus tadbir oleh parti pembangkang.

Menurutnya, Anwar hanya menegaskan dari aspek tadbir urus dan tatakelola yang baik diutamakan dalam proses pembangunan berkaitan.

Pada Isnin, Sanusi dalam ucapan semasa Sidang Kemuncak Empat Kerajaan Negeri (SG4) mendakwa Menteri dan Timbalan Menteri Kerajaan Perpaduan masih mengamalkan sentimen politik tebal dengan negeri pembangkang.

Menteri Besar Kedah itu berkata walaupun pembangkang sudah membuka ruang seluasnya untuk bekerjasama tetapi mereka tetap ingin ‘bermain politik’. ¶

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

29/6-28/9/24: MYARTS@JKKN 2024 @ MaTiC KL Lobby

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

20 - 22/9/24: Festival Budaya Putrajaya 2024 @ Dataran Putrajaya

27 - 28/9/24: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 @ Taman Wetland Presint 13

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

27-29/9/24: Borneo Arts Festival 2024 @ Ujana Kewangan

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Complex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Bakal sedia pelan tindakan

DBKL ATASI CABARAN PENJAJA

DIANA AMIR

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal menyediakan satu pelan tindakan dalam mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di Pasar Datuk Keramat dan Kompleks Pasar Raja Bot.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata pihaknya turut menerima maklum balas yang pelbagai daripada penduduk setempat serta peniaga terlibat.

"Selepas ini kita akan melihat apakah tindakan segera yang boleh dilakukan oleh DBKL dan juga untuk tindakan masa panjang yang bersesuaian.

"Saya juga akan bawa perkara ini untuk berbincang di pejabat

dan menyediakan satu *work plan* juga *action plan* untuk kita cuba menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh dua pasar ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan turun padang ke Pasar Datuk Keramat dan Kompleks Pasar Raja Bot baru-baru ini yang juga merupakan lawatan ketiga beliau selepas dilantik menjadi Datuk Bandar.

Dalam pada itu, beliau turut berterima kasih kepada peniaga-peniaga terlibat yang telah memberikan kerjasama kepada pihak DBKL.

"Saya cakna bahawa harapan mereka adalah amat tinggi kepada DBKL untuk menyelesaikan


permasalahan yang dihadapi dan saya menyeru kepada semua peniaga untuk sentiasa menjaga kebersihan pasar serta memberikan kerjasama yang baik kepada pihak DBKL dalam mendapatkan penyelesaian yang adil untuk kedua belah pihak.

"Ini amat perlu untuk kita melestarikan gerai-gerai ataupun peniaga-peniaga yang meniaga di sini terutamanya di Pasar Datuk Keramat dan juga Pasar Raja Bot," ujarnya.

Terdahulu, selain meninjau keadaan semasa kedua pasar berkenaan, Maimunah turut diberi taklimat mengenai isu-isu berbangkit, perancangan serta pelaksanaan kerja oleh pegawai DBKL yang bertanggungjawab. 



MAIMUNAH ketika sesi turun padang bertemu peniaga.



LAMAN UNITREE DBKL menonjolkan kepelbagaian dan perpaduan kaum di Malaysia.

Rangkul 6 anugerah

PENYERTAAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Festival Floria Diraja Putrajaya (FRP) 2024 membawa hasil apabila berjaya memenangi enam anugerah sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 sebagai garjuran utama yang diterima.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif** merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh pasukan DBKL kerana berjaya mempertahankan anugerah utama yang dipertandingkan pada penyertaan tahun ini.

"Tahniah diucapkan kepada seluruh pasukan DBKL yang telah berjaya merangkul anugerah pada Floria Diraja Putrajaya tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas penglibatan semua jabatan dalaman, wakil-wakil Kebun Komuniti dan semua yang berkaitan atas usaha dan kerjasama yang diberikan. Kejayaan ini adalah milik kita bersama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Apresiasi dan Penyampaian Hadiah Floria Diraja Putrajaya 2024 di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Maimunah, dengan pencapaian yang membanggakan sempena penyertaan DBKL buat kali ke-13, beliau berharap DBKL mampu terus berusaha untuk mempertahankan anugerah tersebut pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Maimunah turut memaklumkan hampir 80,000 pengunjung yang hadir ke reruai DBKL sepanjang festival itu berjalan dari 22 hingga 31 Ogos.

Terdahulu, antara anugerah yang dimenangi DBKL ialah Floria Garden Award (kategori kerajaan); Floria Garden Starlight Award; Anugerah Keseluruhan Floria Garden Prime Award serta Floria Most People's Choice Garden Award.

Selain itu, dua anugerah lain pula kategori Kebun Komuniti di bawah penyelaras Local Agenda

21 iaitu Anugerah Kebun Komuniti: Laman Kreatif dan Kebun Komuniti: Laman Ceria.

Hadiah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa pada Majlis Apresiasi dan Penyampaian Hadiah Floria Diraja Putrajaya 2024.

Floria Diraja Putrajaya 2024 yang berlangsung di tapak festival Persisiran Tasik, Presint 2, dirasmikan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah pada 22 Ogos lalu.

Pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan dipamerkan dan turut dipersembahkan hibrid baharu orkid spesies Vanda yang dinamakan Vandachostylis Queen Zarith Sofiah sempena kehadiran Raja Zarith Sofiah merasmikan festival.

Floria Diraja Putrajaya kali ke-13 bertemakan Raikan Bersama dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan. 

Sita penjaja jeruk warga asing

DALAM usaha membaneras warga asing dan penjaja tanpa lesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) giat menjalankan operasi dan tindakan khas di sekitar ibu kota.

DBKL berkata pada Selasa lalu satu tindakan khas terhadap penjaja jeruk mangga dan tempat mencuci kereta di sekitar Parlimen Wangsa Maju telah dilakukan dengan kerjasama DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Setiawangsa dan Wangsa Maju serta Jabatan Imigresen Cawangan Wangsa Maju.

"Dalam operasi tersebut, DBKL telah mengambil tindakan sita serta merta terhadap dua orang penjaja jeruk mangga warga asing di sekitar Jalan 1/27A, Wangsa Maju.

"Selain itu, DBKL juga turut mengambil tindakan sita terhadap tempat mencuci kereta yang dikendalikan oleh warga asing di lorong belakang Jalan Wangsa Setia 2, Wangsa Maju," katanya menerusi satu hantaran di laman rasminya.

Sementara itu, satu lagi operasi banteras warga asing (KL Strike Force) telah diadakan baru-baru ini di mana DBKL telah mengeluarkan dua notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan

lima tindakan sita serta-merta di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Selain daripada itu, seramai 25 orang warga asing telah ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur bagi tujuan semakan dokumentasi.

"Operasi tersebut dijalankan oleh DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Setiawangsa dan Wangsa Maju serta Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan operasi banteras warga asing (KL Strike Force) di sekitar Jalan 3/48A, Bandar Sentul, Batu, Kuala Lumpur," katanya.

Tambahnya, kesemua barang yang diambil tindakan telah dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan tertera seperti berikut <https://adukl.dbkl.gov.my/>," ujarnya. 



SEKITAR operasi terhadap penjaja jeruk mangga yang merupakan warga asing.



PARA peserta bergambar selepas Pertandingan Menjala Ikan Bandaraya baru-baru ini.

Selamatkan ekosistem

LEBIH satu tan ikan bandaraya berjaya dikeluarkan dari Sungai Damansara menerusi Pertandingan Menjala Ikan Bandaraya melalui Projek Pleco Pupus 2024: Nurturing Rivers, Empowering Communities yang diadakan baru-baru ini.

Menurut Ketua Projek Bersama dari Universiti Malaya (UM), **Affan Nasaruddin**, pertandingan yang julung kali diadakan adalah salah satu inisiatif bagi mengurangkan populasi ikan bandaraya dan memulihara ekosistem sungai.

"Melalui pendekatan berkonsepkan pertandingan, ia memberi insentif kepada komuniti untuk bersama-sama membantu mengurangkan populasi ikan asing ini.

"Seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada orang awam telah menyertai pertandingan ini yang berlangsung di Sungai Damansara, Shah Alam. Menariknya, dalam tempoh

masa hanya dua jam, lebih satu tan ikan bandaraya berjaya dikeluarkan dari sungai ini di mana jumlah sebesar ini sebenarnya bukan satu perkara yang ingin kita banggakan, tetapi sebagai peringatan yang situasi ikan asing ini sudah berada pada tahap kritikal dan amat merisaukan.

"Ikan bandaraya telah dikategorikan sebagai spesies invasif di Malaysia di bawah kumpulan Perosak Asing Berbahaya di Malaysia (2018). Isu spesies asing invasif ini juga ditekankan dalam Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan menjelang tahun 2025," jelasnya.

Dalam pada itu, Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata kerajaan Selangor mengambil tindakan proaktif dalam mengurangkan populasi ikan asing ini dengan menawarkan insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan ikan bandaraya (KPIB).

bermula 1 September ini.

"Kerjasama strategik dengan pelbagai pihak iaitu komuniti, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, industri serta institusi pendidikan dan penyelidikan adalah satu model kerjasama cemerlang," jelasnya.

Jelasnya susulan daripada ini, program pemindahan ilmu kepada komuniti iaitu penghasilan makanan ikan menggunakan ikan bandaraya akan diterajui oleh Universiti Selangor (UNISEL) bermula pada bulan September 2024 di mana ia dapat memupuk nilai tambah dan mengetengahkan konsep ekonomi kitaran.

Terdahulu, pertandingan tersebut kerjasama UM melalui Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) bersama UNISEL, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB).

Rai hubungan diplomatik

ISTANA Budaya (IB) bakal mementaskan semula Teater Muzikal Puteri Hang Li Po (TMPLHP) sebagai simbolik kepada Sambutan 50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia dan China Oktober ini.

Ketua Pengarahnya, **Zubaidah Mukhtar** berkata TMPLHP mengangkat tema cinta dan tanggungjawab di mana naskhah ini adalah sebuah cerita ilustrasi yang diinspirasikan daripada rekod sejarah iaitu persahabatan antara Maharaja China dan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15.

"Pemilihan TMPLHP bertepatan bagi menyemarakkan industri pelancongan dan budaya serta salah satu aktiviti *to mark the celebration* dalam meraikan hubungan diplomatik antara dua negara.

"Hasil karya asal dan penulis skrip oleh Allahyarham Rahimidin Zahari, skrip teater ini digarap semula di bawah arahan Adzwa Saini selaku Pengarah Persembahan dan dibantu oleh bakat muda dari IB iaitu Amsyar Azizan. Teater ini menampilkan

beberapa artis tempatan berbakat besar iaitu Dewi Liana Seriesha, Brian Chan, Luqman Hafidz dan lain-lain termasuk penggiat seni teater tanah air," katanya dalam satu kenyataan media.

Zubaidah berkata IB dipertanggungjawabkan untuk meraikan sambutan diplomatik ini dalam bentuk seni persembahan dan budaya sekali gus menyokong usaha Kerajaan Malaysia MADANI khususnya melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

"Teater muzikal ini juga menjemput dua pemuzik dari China untuk bersama berkolaborasi sebaik dengan pemuzik IB sebagai simbolik keharmonian antara dua negara.

"TMPLHP akan berlangsung selama empat hari dengan lima pementasan pada 3 hingga 5 Oktober 2024, pukul 8.30 malam di Encore Melaka. Penonton juga boleh menonton persembahan ini pada sebelah petang (slot matinee) pada 5 dan 6 Oktober 2024, pukul 2.30 petang di pentas yang sama."

Program Jejak Kasih MADANI

MOTIVASI PELAJAR KE SEKOLAH

DIANA AMIR

SEJAK penubuhannya pada tahun 1986, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam usaha-usaha pembangunan pendidikan pelajar-pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed** berkata pelbagai program dan bantuan telah disediakan bagi memastikan tiada murid tercincir, terus bermotivasi dan mempunyai akses yang mudah untuk ke sekolah.

"Baru-baru ini YWP telah menyantuni serta menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 20 orang pelajar terpilih menerusi Program Jejak Kasih MADANI Daerah Bangsar 2024.

"Ia merupakan program kedua selepas pertama kali diadakan di daerah Pudu dan kita juga mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) bagi merealisasikan program ini.

"Sumbangan wang tunai tersebut diberikan kepada pelajar-pelajar



ABDUL BASIR (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Suraimi (tengah).

yang berisiko tercincir dan telah dikenal pasti oleh JPWPKL juga YWP. Diharapkan dengan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar terus bersemangat dan bermotivasi untuk hadir ke sekolah," katanya dalam ucapan ketika menghadiri Program Jejak Kasih

MADANI Daerah Bangsar bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar baru-baru ini.

Hadir sama Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu, Azuar Hussin; Pengetua SMK Bangsar, Salina Shaari dan Timbalan Pegawai Pendidikan

Daerah, Sektor Pembangunan Murid, PPD Bangsar/Pudu, Mohamed Suraimi Mohamed Salleh.

Mengulas lanjut Abdul Basir berkata YWP sentiasa berbesar hati untuk membantu dari pelbagai sudut dalam memastikan pendidikan anak-anak Wilayah Persekutuan terjamin.

"Kita menyantuni semua peringkat pelajar dari tahun satu hingga ke peringkat universiti bermula dengan Bantuan Awal Persekolahan (Back to School), Bantuan Murid Tercincir, Dermasiswa Pelajar Sekolah Menengah, Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah disusuli hingga Bantuan Awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Dermasiswa IPT.

"Selain itu, pada awal tahun ini juga YWP terlibat dalam sumbangan Back to School kepada pelajar-pelajar sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang meliputi sumbangan berbentuk bayaran yuran PIBG, baju sukan atau baju kokurikulum.

"Begitu juga dengan bantuan pemakanan, YWP membantu

pelajar-pelajar terpilih untuk menerima makanan percuma setiap hari yang disediakan oleh pihak kantin sekolah.

"Untuk makluman, YWP merupakan agensi pertama yang membawa idea bantuan pemakanan sekolah menengah ini dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang layak dengan memastikan pelajar dapat makan makanan yang sihat dan seimbang agar lebih fokus dalam pembelajaran di sekolah," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Basir berkata YWP akan terus menyokong usaha murni pihak warga pendidik dan Jabatan Pendidikan dalam memartabatkan pelajar-pelajar ke peringkat yang lebih baik.

"Kepada guru-guru serta seluruh warga pendidik, teruskanlah usaha memberi sokongan kepada anak-anak ini agar mereka mendapat keputusan yang cemerlang, dalam peperiksaan dan berjaya menjadi insan yang berguna untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Semoga usaha ini diberkati dan mendapat manfaat kepada semua," katanya.



KU SEMAN KU HUSSAIN

PENGALAMAN berada dalam kehidupan berbudaya suatu waktu dulu memberikan suatu yang amat berharga apabila menjadi warga Kuala Lumpur sejak empat dekad lalu. Hal yang demikian menjadikan lingkaran budaya Melayu sentiasa membentuk perilaku dan etika secara tidak rasmi dalam menjalani kehidupan di mana-mana sahaja termasuk di kota besar.

Penghayatan yang tinggi terhadap kehidupan berbudaya sebenarnya memperkuatkan nilai-nilai yang suatu waktu dulu mendokong cara hidup generasi silam terutama di kampung-kampung. Sekalipun daripada sudut kebendaan golongan itu mungkin tidak semaju warga kota, tetapi menikmati hidup yang aman dan harmoni.

Kehidupan berbudaya membentuk hidup yang saling bertaut antara satu dengan yang lain, bekerjasama dalam banyak perkara hingga keakraban dalam kalangan masyarakat menjadi amat kukuh. Disebabkan budaya hidup juga perkara yang sukar atau berat menjadi ringan apabila dilakukan secara bersama, bergotong-royong dan sebagainya.

Kuala Lumpur adalah lubuk mencari rezeki, hal itu berlaku sejak lama dulu dan berterusan hingga kini. Maknanya warga yang mendiami Kuala Lumpur ketika ini adalah golongan yang pernah hidup dalam budaya Melayu yang mengutamakan kerjasama dan tolong-menolong antara satu dengan lain.

Maka, ada baiknya nilai budaya hidup yang harmoni itu dilestarikan dalam persekitaran kehidupan di Kuala Lumpur. Tidak mundur seseorang atau sesebuah masyarakat yang mendokong kembali nilai yang pernah menjadi petunjuk kepada generasi yang silam.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING



AKTIVITI gotong-royong dapat membentuk kehidupan berbudaya yang bertaut antara satu dengan lain.

Kehidupan di kota besar yang maju dan moden sebenarnya bukanlah memusuhi nilai-nilai yang baik diteruskan oleh masyarakatnya. Kemajuan atau kemodenan menjadi lebih bermakna sekiranya terus mendokong nilai-nilai budaya yang terbukti memberikan corak hidup yang lebih baik.

Memberi laluan pada pelestarian nilai budaya yang dulunya dijulang oleh generasi silam adalah salah satu cara kita membina kedudukan yang selayaknya pada nilai-nilai yang boleh menyumbang daripada sudut etika dan pekerti masyarakat yang lebih baik.

Oleh sebab itu adalah menjadi tugas dalam kalangan kita semua yang menjadi warga kota untuk menoleh kembali nilai-nilai yang unggul dalam kehidupan budaya suatu masa lalu. Hal itu perlu

diangkat dan dihayati sebagai satu etika dan petunjuk dalam mengharungi kehidupan yang moden.

Antara yang perlu dilestarikan adalah sikap mengambil endah terhadap sesuatu yang berlaku dalam lingkaran yang kecil, kepada jiran di taman perumahan. Tidak semua yang dikatakan ‘jangan menjaga tepi kain orang’ itu membawa kebaikan kepada masyarakat.

Malah sudah banyak terbukti sikap suka ambil endah terhadap sesuatu yang tidak kena di persekitaran memberi kebaikan. Contoh mudah yang selalu kita lihat di media adalah penderaan kanak-kanak atau pembantu rumah. Maklumat jiran yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan selanjutnya.

RENTAS SEMPADAN

HIDUP ini satu perkongsian atau saling berbahagi antara kita dengan masyarakat. Tidak dinamakan hidup bermasyarakat kalau mengamalkan sikap individualistik, biarpun di kota-kota besar. Maka sikap mengambil tahu itulah yang menjadi kekuatan generasi terdahulu dalam memastikan keselamatan dan hal-hal yang memerlukan tindakan segera.

Kitalah yang bertanggungjawab untuk memastikan kehidupan budaya itu terus lestari dan nilai serta amalan yang menjadi tonggak budaya Melayu itu tidak terusir dengan perubahan sosial dan gaya hidup masa kini. Kita tidak boleh mengharapkan hanya masyarakat di kampung sahaja yang meneruskan corak kehidupan yang berbudaya itu kerana mereka juga sedang bertarung dengan perubahan yang dibawa oleh budaya rentas sempadan dan benua.

Saya tentunya antara yang bernasib baik kerana pernah berada dalam kehidupan masyarakat kampung sangat akrab dengan alam budaya dan tradisi. Muafakat menjadi teras kehidupan orang kampung. Dalam segala perkara, jalur hidup orang kampung tidak terkeluar daripada garis muafakat. Inilah kekuatan dalam berdepan zaman di mana kemiskinan selalu bertandang di depan tangga.

Saya menyaksikan sendiri kehidupan masyarakat di sekeliling yang dilingkungi dengan amalan budaya dan tradisi Melayu. Kemiskinan tidak menjadikan mereka lupa pada pegangan budaya dan nilai-nilai yang diwarisi sejak berzaman lamanya. Dengan berbudaya mereka menjadi begitu tegar berdepan cabaran kehidupan termasuk yang diancam kemiskinan.

Pada masa itu, generasi muda menjadikan yang lama sebagai rujukan dalam kehidupan. Maka semua amalan budaya itu diulang dan diturunkan, begitulah kitaran kelestarian budaya dalam masyarakat Melayu. Amalan budaya ini secara muafakatnya diterima sebagai rukun hidup bermasyarakat.

Budaya menjadi acuan kehidupan dengan peraturan-peraturannya. Tidak ada undang-undang yang melingkari masyarakat kecuali budaya. Perkara yang dilarang dalam budaya diambil sebagai sempadan dan tidak dilanggar demi muafakat yang dimeterai.

Kepercayaan bahawa budaya itu adalah undang-undang tertinggi amat ketara. Kalau ada sesuatu pertelahanan, orang kampung akan merujuk kembali pada budaya yang dalamnya ada adat dan adab tertentu. Ketua dalam masyarakat menjadi pendiri sekali gus melestarikan budaya itu.

Kepercayaan bahawa budaya itu adalah undang-undang tertinggi amat ketara. Kalau ada sesuatu pertelahanan, orang kampung akan merujuk kembali pada budaya yang dalamnya ada adat dan adab tertentu. Ketua dalam masyarakat menjadi pendiri sekali gus melestarikan budaya itu.

kalangan orang kampung. Muafakat jugalah kata utama hampir semua perkara yang melibatkan masyarakat. Hasilnya wujudlah budaya gotong-royong yang menjadi satu kaedah yang meringankan beban kehidupan harian. Hal ini menepati pesan orang tua-tua, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

Bagi orang kampung, kopi yang sepahit mana sekalipun menjadi manis kalau diminum bersama-sama dengan jiran tetangga dan semua ahli masyarakat. Demikian sebuah pengalaman budaya di sebuah kampung yang mundur, tersorok daripada pembangunan tetapi kaya dengan keharmonian dan kesejahteraan.

Hal itu bertepatan dengan konsep kebersamaan, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Itulah pesanan daripada orang bijak pandai dan pemikir Melayu dahulu kala. Siapakah yang berani mendakwa kebenaran kata-kata itu? Sampai bila-bila sekalipun pesanan berharga itu tidak mampu dicantas akan kebenarannya.

Tambahan pula hakikat hidup bermasyarakat adalah umpama segenggam lidi, kekuatan itu datang dengan kebersatuhan. Kekuatan dan keutuhan berdepan dengan segala badai dan cabaran tidak mungkin dapat ditentang secara berpecah-pecah atau sendirian. Kebersatuhan dalam masyarakat menjadi teras dan ini banyak sekali ditekankan dalam kehidupan semua budaya dan kaum.

Sudah tentu tidak ada halangan untuk kita yang mendiami kota yang serba maju dan moden ini terus mengamalkan budaya hidup yang bersifat sejagat oleh generasi terdahulu. Amalan bermuafakat, gotong-royong, sentiasa ambil endah tidak akan menjadikan kita kolot di ibu kota yang serba moden ini. Percayalah.

Bil 278 . 6-12 SEPTEMBER 2024

Badai IMPOX bermula

►10-11

JAGA TINGKAH LAKU SOSIAL

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

DUNIA digemparkan dengan pengisytiharan kecemasan kesihatan global berikutan wabak cacar monyet (Mpox) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 14 Ogos lalu.

Di Malaysia, walaupun kes masih terkawal namun itu bukanlah alasan untuk memandang ringan terhadap situasi ini.

Mpox adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus *monkeypox* daripada kumpulan Orthopoxvirus. Secara amnya, penyakit ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja tanpa mengira orientasi seksual walaupun data semasa menunjukkan kadar jangkitan lebih tinggi dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan sesama jenis.

Menurut Pensyarah Kanan di Institut Sains Biologi Universiti Malaya, Dr Jasmine Elanie Khairat, antara gejala jangkitan Mpox ialah pembentukan ruam dan lepuh pada kulit disertai oleh demam, sakit kepala, sakit otot, sakit belakang, lemah badan dan pembengkakan nodus limfa.

“Walaupun kebanyakan individu pulih tanpa rawatan, Mpox boleh membawa komplikasi serius dan mengancam nyawa terutamanya bagi golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, wanita hamil dan individu dengan sistem imuniti yang lemah.

“Komplikasi teruk boleh berlaku jika Mpox menjangkiti kanak-kanak dan individu yang mempunyai tahap imuniti rendah termasuk jangkitan bakteria yang teruk daripada keradangan kulit, kerosakan pada otak (encefalitis), jantung (miokarditis) atau paru-paru (pneumonia), masalah mata dan juga kematian,” ujarnya.

Beliau berkata gejala jangkitan



JASMINE

adalah berbeza-beza dan bergantung pada tahap ketahanan badan individu.

“Kebiasaannya ia berlangsung selama dua hingga empat minggu. Mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah adalah lebih berisiko untuk mendapat komplikasi yang teruk. Terdapat juga laporan jangkitan Mpox daripada ibu kepada bayi dalam kandungan. Namun, ada individu yang tidak menunjukkan sebarang gejala selepas dijangkiti virus Mpox.

“Selain itu, Mpox merebak melalui kontak rapat yang berpanjangan, lebih mudah dikenal pasti gejala atau tanda tetapi tidak mudah menular dalam persekitaran sosial biasa seperti COVID-19 yang mempunyai kadar kebolehjangkitan atau R-Naught (R_0) lebih tinggi, mudah menular secara titisan pernafasan dan melalui udara serta pelbagai varian.

“Jangkitan Mpox daripada jenis *clade I* berpotensi untuk menyebabkan gejala lebih teruk dan kematian berbanding *clade II*. Kadar kematian di negara endemik Mpox juga rendah, dianggarkan antara tiga hingga enam peratus sahaja.

“Secara umumnya, Mpox kurang berbahaya dan lazimnya akan sembuh sendiri tanpa sebarang rawatan khusus. Jika seseorang terdedah kepada virus Mpox, ia mungkin mengambil masa selama enam hingga 13 hari (dalam julat lima hingga 21 hari) tempoh inkubasi sebelum fasa gejala mula kelihatan,” ujarnya.

Jasmine berkata fasa bergejala boleh dibahagikan kepada dua iaitu Fasa 1 selama satu hingga lima hari pertama dengan gejala jangkitan virus seperti demam,

sakit kepala, sakit belakang, sakit otot dan kelesuan serta Bengkak kelenjar limfa.

“Manakala Fasa 2 pula ialah selepas satu hingga tiga hari demam dan muncul gejala ruam pada tangan, kaki, dada, muka, mulut atau kawasan alat kelamin. Ruam akan melalui beberapa peringkat iaitu pada mulanya kelihatan seperti jerawat atau lepuh (berair) dan berakhir dengan kudis atau keruping (scab) sebelum sembuh. Pesakit yang dijangkiti Mpox biasanya akan mengalami gejala selama dua hingga empat minggu.

“Virus Mpox boleh disebarluaskan kepada individu lain dalam tempoh sehari sebelum berlaku ruam pada kulit sehingga 21 hari, bermula gejala atau sehingga keruping tertanggal dan pesakit tidak lagi bergejala,” ujarnya.

Mpox tersebar melalui cecair badan seperti hubungan intim, air liur, sentuhan langsung pada lepuh dan luka akibat gigitan atau cakaran haiwan tercemar.

“Hasil kajian seperti dilaporkan dalam jurnal *The Lancet* yang diterbitkan pada 2023 menyimpulkan hubungan intim adalah laluan utama penularan wabak Mpox berbanding penyebaran melalui pernafasan.

“Menurut kajian diterbitkan oleh *The New England Journal of Medicine* pada tahun 2022, 98 peratus pesakit dari 16 negara adalah dalam kalangan mereka yang mengamalkan hubungan sesama jenis. Justeru, risiko penyebaran dan peningkatan kes Mpox secara drastik adalah lebih rendah berbanding Influenza dan COVID-19,” ujarnya.

Individu yang dijangkiti Mpox berpotensi menyebarkan jangkitan kepada orang lain jika semua lepuh pada kulit mereka tidak kering dan sembuh sepenuhnya.

“Jangkitan Mpox mungkin disalah anggap sebagai cacar (*smallpox*) atau cacar air (*chickenpox*) kerana gejala yang hampir serupa. Apa yang membezakan Mpox dan cacar air ialah virus penyebab jangkitan, cara penyebaran jangkitan serta ciri-ciri lepuhnya yang tersendiri.

“Pengesahan makmal dilakukan dengan menguji sampel lepuh dengan menggunakan kaedah tindak balas rantai polimerase (PCR). Diagnosis yang tepat dapat membantu mempercepatkan proses rawatan Mpox.

Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan WHO, pemberian vaksin cacar mampu mengurangkan risiko jangkitan Mpox sehingga 85 peratus,” ujarnya.

Wabak Mpox adalah ancaman kesihatan global yang perlu ditangani dengan serius. Walaupun potensi Mpox untuk mengulangi fenomena pandemik COVID-19 adalah rendah namun masih perlu berhati-hati. Di Malaysia,



jumlahnya masih kecil dan bukan berstatus penularan tempatan.

“Kita perlu yakin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersedia dalam kesiapsiagaan menghadapi pandemik Mpox ini berbekalkan pengalaman menangani pandemik COVID-19. Ini termasuk penyediaan prosedur operasi standard (SOP), fasiliti dan sumber manusia dalam aspek pengesahan awal kes, diagnostik, pengurusan kes dan kontak serta latihan dan pendidikan kesihatan,” ujarnya.

RAWATAN DAN VAKSIN

BUAT masa ini, tiada rawatan khusus untuk jangkitan Mpox, sebagaimana jangkitan virus yang lain.

Menurut Jasmine, kebanyakan pesakit selalunya akan sembuh tanpa memerlukan apa-apa rawatan, namun rawatan simptomatik boleh diberikan jika perlu untuk mengurangkan gejala dan mencegah komplikasi kepada pesakit yang mempunyai risiko kesihatan lain.

“Dalam kes-kes yang serius, ubat antivirus seperti tecovirimat yang juga dikenali sebagai TPOXX atau ST-246 boleh digunakan. Melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh WHO dan KKM, vaksin cacar juga telah terbukti berkesan dalam mencegah Mpox dan boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi.

“Terdapat dua vaksin utama yang digunakan untuk mencegah Mpox iaitu Jynneos (dikenali sebagai Imvamune atau Imvanex) dan ACAM2000.

“Imvamune adalah vaksin yang lebih baru dan diluluskan khusus untuk mencegah Mpox dan cacar. Ia diberikan dalam dua dos dengan jarak empat minggu di antara

kedua-dua dos. ACAM2000 pula adalah vaksin yang pada asalnya dibangunkan untuk mencegah cacar tetapi nampaknya turut memberikan perlindungan terhadap Mpox. Ia diberikan dalam satu dos melalui kaedah yang unik,” ujarnya.

Beliau berkata proses ini melibatkan penggunaan jarum khas dua mata (*bifurcated needle*) yang diperbuat daripada keluli tahan karat yang mana jarum itu dicelup ke dalam larutan vaksin dan kulit di bahagian atas lengan ditusuk beberapa kali (*scarification*) dengan titisan vaksin tersebut.

“Walau bagaimanapun perlu diingat ketersediaan vaksin Mpox yang dinyatakan di sini adalah terhad dan hanya diberikan mengikut keutamaan kepada individu yang berisiko tinggi seperti petugas kesihatan, kontak rapat kes Mpox dan individu dengan sistem imun yang lemah sahaja.

“Selain tidak panik, langkah-langkah pencegahan perlu diterapkan. Ini termasuklah mengamalkan kebersihan diri yang baik, mengelakkan sentuhan dengan orang yang dijangkiti dan menunjukkan simptom, mengelakkan berkongsi barang peribadi dan mengamalkan hubungan seks selamat.

“Rakyat Malaysia yang merancang untuk melawat negara-negara yang terjejas oleh wabak Mpox seperti Thailand dinasihatkan untuk mendapatkan vaksin terlebih dahulu bagi melindungi diri mereka daripada jangkitan.

“Penyebaran dan perkongsian informasi berkaitan Mpox kepada masyarakat adalah jalan paling efektif untuk mengekang penularan virus ini. Hanya dengan penglibatan masyarakat sahaja mampu memutuskan rantaian penularan wabak,” ujarnya.


BILIK GERAKAN MPOX DIAKTIFKAN

Bermula 16 Ogos 2024.

Khusus untuk wabak cacar monyet / Mpox di CPRC Kebangsaan.

Berperanan:

- Pantau situasi wabak di dalam dan luar negara.
- Berkolaborasi dan menyelaras langkah pencegahan dan kawalan bersama negara ASEAN.



LANGKAH PENCEGAHAN

Setakat 16 - 22 Ogos 2024, 1.8 juta pengembara disaring suhu di pintu masuk negara.

Sebagai persediaan, ujian pengesahan wabak mampu dijalankan di 13 makmal seluruh negara.

Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN dan WHO berkaitan:

- Perkongsian maklumat.
- Perolehan vaksin dan ubat antivirus.

WHO sebelum ini isytihar Mpox sebagai kecemasan kesihatan awam global buat kali kedua dalam tempoh dua tahun berikut wabak jangkitan virus itu di Republik Demokratik Congo merebak ke negara jiran.





Kunci keselamatan

MEMAHAMI keresahan yang dialami oleh rakyat Malaysia susulan peningkatan kes Mpox, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil tindakan dengan meningkatkan pemantauan di semua pintu masuk antarabangsa.

Menteri Kesihatan, **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad** berkata pihaknya telah mengaktifkan bilik gerakan Mpox atau cacar monyet di Pusat Kesihatiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) bagi memantau serta mengawal wabak tersebut daripada menular ke negara ini.

"Sehingga 27 Ogos lalu tiada kes disyaki virus Mpox dikesan daripada hampir 2.64 juta pengembara yang disaring di pintu masuk antarabangsa.

"Kita sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga berhubung penularan virus Mpox ini dengan mengaktifkan bilik gerakan (CPRC) sejak 16 Ogos lalu bagi memantau situasi dalam dan luar negara.

"Setiap pengembara yang tiba akan melalui proses saringan kesihatan yang ketat bagi memastikan mereka bebas dan tidak memiliki gejala penyakit tersebut," katanya.

Beliau berkata sebanyak 33 kes disyaki Mpox dilaporkan di fasiliti kesihatan iaitu 32 kes disahkan negatif dan satu kes masih menunggu keputusan makmal.

"Pengembara dari negara berisiko dinasihatkan membuat pemantauan kesihatan kendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh ketibaan."



DZULKEFLY

"Buat masa ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang nasihat atau syor untuk diadakan sekatan perjalanan.

"Sehubungan itu, individu yang melawat negara berisiko dinasihatkan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengamalkan kebersihan kendiri, mengelakkan

kontak dengan individu yang bergejala atau haiwan yang sakit, segera merujuk kepada fasiliti kesihatan sekiranya bergejala serta mematuhi garis panduan dikeluarkan KKM dari semasa ke semasa," ujarnya.

Dzulkefly turut mengingatkan semua pengamal perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta untuk memberikan notifikasi kes disyaki dan kes yang disahkan Mpox dengan segera ke Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan.

"Pengamal perubatan boleh merujuk kepada garis panduan 'Guidelines on Mpox management in Malaysia 2023' di laman sesawang portal rasmi KKM di www.moh.gov.my.

"Dalam pada itu, sesi secara maya juga diadakan bersama Kementerian Luar dan perwakilan Malaysia di negara-negara Afrika bagi menggembungkan kerjasama untuk mendapatkan serta menyampaikan maklumat kepada warga Malaysia yang berada di negara berkenaan," katanya.

Jelasnya lagi, antara langkah lain yang disarankan KKM adalah mempertingkatkan aktiviti kesedaran Mpox dan edaran bahan pendidikan kepada kumpulan berisiko dengan kerjasama badan bukan kerajaan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti seperti spa dan sauna.

"Selain itu, memastikan premis-premis yang menyediakan perkhidmatan yang melibatkan kontak kulit dengan pelanggan seperti spa, urutan dan lain-lain aktiviti berisiko untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran di samping memastikan tiada pekerja atau pelanggan di premis berkaitan mengalami gejala atau menunjukkan tanda Mpox seperti ruam atau lepuh pada kulit," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dzulkefly berkata KKM turut menyediakan makmal bagi mengesan jangkitan wabak.

"Kita mempunyai 13 makmal yang mampu membuat ujian pengesan Mpox iaitu lapan makmal kerajaan dan lima makmal swasta, dua daripadanya berupaya membuat 'sequencing' maklumat genetik untuk mengesan varian virus yang dikesan," ujarnya.

Terdahulu, pada 15 Ogos lepas, KKM telah mengesahkan tiada kes baru Mpox dilaporkan di Malaysia setakat ini, meskipun berlaku peningkatan kes penyakit tersebut di rantau Afrika baru-baru ini.

KKM memaklumkan di Malaysia, jumlah keseluruhan Mpox yang disahkan setakat ini ialah sembilan kes dengan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan yang terakhir pada November 2023.

PERBEZAAN ANTARA MPOX, CHICKENPOX DAN HFMD

MPOX		CHICKENPOX	PENYAKIT TANGAN, KAKI, DAN MULUT (HFMD)
Virus	Virus Monkeypox (famili Orthopox)	Virus Varicella-Zoster (famili Herpesvirus)	Enterovirus, termasuk Virus Coxsackie (famili Picornavirus)
Cara penularan	Merebak melalui: <ul style="list-style-type: none"> Sentuhan langsung dengan ruam/lepuh Cecair badan dan titisan pernafasan Kontak langsung dengan objek yang tercemar seperti cadar dan pakaian 	Merebak melalui: <ul style="list-style-type: none"> Titisan pernafasan Aerosol Sentuhan langsung dengan titisan pernafasan atau lepuh 	Merebak melalui: <ul style="list-style-type: none"> Air liur Cecair lepuh Najis pesakit
Tempoh inkubasi	5-21 hari	10-21 hari	4-6 hari

KES MPOX DI SELURUH DUNIA:

JUMLAH KESELURUHAN: 16,352 KES
KEMATIAN DIREKODKAN SEHINGGA 19 OGOS 2024: 590

INDONESIA:

- Indonesia mencatatkan 88 kes Mpox dari 2022 hingga kini, dengan Jakarta paling teruk terjejas.
- Kes tersebar di Jakarta (59), Jawa Barat (13), Banten (9), Jawa Timur (3), Yogyakarta (3) dan Kepulauan Riau (1).
- 87 kes telah pulih, dengan kemuncak pada Oktober 2023; varian *clade IIb* terlibat dalam 54 kes.

THAILAND:

- Pada 23 Ogos lalu, Thailand mengesahkan kes Mpox *clade 1b* pada pesakit Eropah berusia 66 tahun dan merupakan pesakit pertama di Thailand.
- Pesakit Eropah itu disahkan menghidap Mpox selepas dia melakukan perjalanan dari sebuah negara Afrika yang terdapat wabak Mpox dan kemudiannya transit di negara Timur Tengah sebelum tiba di Thailand pada 14 Ogos pukul 6 petang.
- 43 kontak rapat pesakit berkenaan, tiada yang menunjukkan sebarang gejala setakat ini.

FILIPINA:

- Pada 26 Ogos 2024, Filipina mengesahkan dua lagi kes baharu Mpox menjadikan jumlah kes aktif di negara itu meningkat kepada tiga.
- Kes baharu itu membabitkan dua lelaki, masing-masing berusia 37 dan 32 tahun dari Metro Manila dan kedua-dua dijangkiti MPXV Clade II yang merupakan strain virus Mpox yang lebih ringan.
- Dengan pengesahan kes baharu, Filipina mencatatkan 12 kes Mpox sejak Julai 2022.

UGANDA:

- Pada 31 Ogos, Uganda mengumumkan tiga lagi kes Mpox menjadikan jumlah kes di timur Afrika itu kepada lima.
- Kes-kes ini masing-masing dikesan di Bandar Elegu, Daerah Amuru, utara negara ini; Mayuge sebuah daerah di timur Uganda dan berjiran dengan sempadan Sudan Selatan dan Kawaala, sebuah kejiran dalam Kampala, ibu negara ini.

REPUBLIK DEMOKRATIK CONGO:

- Sehingga 16 Ogos 2024, jumlah kumulatif 16,839 kes yang disyaki Mpox (sekurang-kurangnya 1,888 daripadanya disahkan makmal) dan 501 kematian (sekurang-kurangnya lapan daripadanya disahkan makmal) telah dilaporkan di Republik Demokratik Congo (DRC).

KENYA:

- 30 Ogos lalu, Kenya mengumumkan kes ketiga cacar monyet melibatkan seorang wanita berusia 30 tahun di Nairobi yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara jiran Uganda.
- Dua kes sebelum ini dikesan di daerah Taita Taveta yang bersempadan dengan Tanzania dan di daerah Busia, barat Kenya yang bersempadan dengan Uganda.
- Sejumlah 89 sampel telah dihantar ke makmal untuk ujian virus Mpox dengan 79 sampel didapati negatif, tiga sampel telah diuji positif manakala tujuh lagi sedang dianalisis.



ERAT SEMANG JIWA MERDEKA



SYUQQREE DAIN

SAMBUTAN Hari Kebangsaan yang berlangsung secara gilang-gemilang di Putrajaya baru-baru ini merupakan kali keenam diadakan di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut selepas tahun 2003, 2005, 2018, 2019 dan 2023.

Acara pada sambutan kali ke-67 yang berteraskan kebersamaan Malaysia diterjemahkan dalam interpretasi Jiwa Merdeka melibatkan 17,262 peserta, 57 kontinjen, 25 pancaragam, 112 aset hidup, 479 aset negara termasuk persembahan udara, selain segmen persembahan membabitkan ribuan peserta grafik manusia dengan gerak tari koreografi berskala besar.

Selain itu, pelbagai lagi acara patriotik dapat dilihat serta dirasai oleh rakyat Malaysia dari seluruh pelosok negara dengan penuh keterujaan. Sifat kebersatuhan yang ditunjukkan membuktikan semangat patriotik masih kekal subuh sekali gus menzahirkan imej kebersamaan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah; Perdana Menteri dan isteri, Timbalan-Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Duta serta Konsulat Asing di Malaysia.

Dalam masa sama, rakyat diseru untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang di seluruh negara bersempena Hari Malaysia yang bakal dilangsungkan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September 2024 kelak. 



DI MANAKAH SILAPNYA?

BARU-BARU ini kita dikejutkan dengan satu rakaman video yang tersebar di media sosial mengenai seorang wanita dan anaknya yang masih bayi menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Isu ini adalah masalah yang dilihat serius kerana berita mengenainya sering terpapar di media massa dan pelaku serta mangsa terdiri dari pelbagai bangsa, agama dan latar belakang pendidikan. Persoalannya, di manakah silapnya?

Keganasan rumah tangga ini adalah suatu kekerasan yang berlaku dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Kekerasan merujuk kepada pembentukan tingkah laku penderaan yang digunakan oleh seseorang individu dalam rumah tangganya bagi mendapat atau mengekalkan kuasa serta kawalan

terhadap pasangan intimnya.

Ia juga boleh dikatakan sebagai satu pencabulan terhadap hak asasi manusia. Kebiasaannya wanita dan kanak-kanak sering menjadi mangsa dalam isu keganasan ini, namun begitu melihat kepada realiti semasa, lelaki juga tidak terkecuali menjadi mangsa kepada isu rumah tangga ini.

Jika kita lihat pada tahun 2023, berdasarkan statistik daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 5.507 kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan dan ini menunjukkan berlakunya penurunan kes pada tahun 2022 iaitu sebanyak 6.540. Namun begitu penurunan kes ini dikenal pasti berlaku kerana masih banyak kes penderaan yang tidak dilaporkan kerana ia dianggap sebagai isu kekeluargaan atau peribadi.

Masyarakat hari ini perlu sedar bahawa keganasan rumah tangga ini bukan sahaja berbentuk memberikan kecederaan fizikal semata-mata dengan memukul menggunakan anggota badan mahupun objek, tetapi ia boleh berlaku dalam beberapa bentuk yang lain juga antaranya penderaan emosi iaitu mengeluarkan kata-kata kesat dengan bertujuan untuk menjatuhkan maruah dan mengaibkan mangsa secara langsung atau secara dalam talian.

Keduanya adalah penderaan seksual, iaitu menggunakan seks sebagai cara untuk mengawal dan mengaibkan mangsa.

Ketiganya adalah pengasingan, iaitu dengan mengawal segala pergerakan mangsa serta menghalang mangsa daripada berjumpa dengan ahli keluarga atau rakan-rakan terdekat.

Keempat, ugutan iaitu dengan memberikan ancaman berbentuk ugutan untuk mencederakan mangsa atau keluarga terdekat mangsa, mungkin juga mengugut untuk membunuh diri.

Kelima, penderaan ekonomi iaitu mengehadkan kewangan mangsa dengan cara enggan memberikan wang perbelanjaan rumah yang mencukupi atau boleh juga dengan cara merampas pendapatan mangsa.

Keenam adalah menghendap, iaitu mengganggu mangsa melalui cara mengikuti mangsa, mengganggu mangsa secara fizikal atau melalui atas talian. Ini merupakan beberapa bentuk keganasan rumah tangga yang boleh berlaku pada seseorang individu.

Bagi membentuk sebuah rumah tangga yang bahagia, pastinya beberapa nilai keharmonian perlu diterapkan seperti saling menghormati, bertolak ansur serta saling memahami. Tanpa nilai keharmonian ini mana mungkin rumah tangga itu dapat dibentuk seperti yang disarankan dalam Islam iaitu sakinah (ketenangan), mawaddah (kebahagiaan) dan rahmah (kasih sayang).

MAHLIGAI BERTUKAR PENJARA

MALANGNYA apabila sesebuah institusi kekeluargaan yang sepatutnya menjadi tempat yang selamat dan hangat untuk berlindung itu bertukar menjadi penjara, mangsa merasakan dirinya terkurung, terperangkap dalam situasi keganasan rumah tangga.

Bagi membendung situasi ini daripada berterusan sudah pasti ianya akan berbalik kepada diri sendiri, baik sebagai suami mahupun isteri perlu menghayati dan memahami semula tanggungjawab kita dalam membina sebuah rumah tangga yang harmoni.

Jika dilihat dari sudut agama, kita sama sekali dilarang menganiaya atau mengasari orang lain termasuklah pasangan kita sendiri. Ada sesetengah orang mungkin berfikiran untuk memberikan pengajaran kepada kesilapan yang dilakukan, namun adakah tindakan yang menjurus kepada keganasan tersebut wajar dilakukan?

Islam sendiri meletakkan garis panduan dalam mendidik isteri yang derhaka iaitu dengan cara yang berperingkat. Jadi jangan biarkan diri kita dikawal oleh nafsu amarah yang boleh merosakkan pemikiran, emosi dan tingkah laku kita.

Melihat kepada situasi mangsa bagi keganasan rumah tangga ini rata-rata si mangsa tidak sedar dengan situasi yang berlaku atau boleh jadi menidakkan keadaan yang berlaku pada diri. Kitaran penderaan adalah satu corak tingkah laku yang sering berlaku dalam hubungan yang tidak sihat, terutamanya dalam kes kekerasan dalam rumah tangga.

Corak ini terdiri daripada beberapa peringkat yang berulang dan telah mewujudkan kitaran

yang sukar diputuskan oleh mangsa.

Peringkat yang pertama adalah peningkatan ketegangan, di mana ketegangan mula meningkat akibat tekanan harian mahupun masalah dalam hubungan suami isteri itu sendiri.

Pada tahap ini, kebiasaannya mangsa akan cuba meredakan situasi dan menurut permintaan pelaku atau cuba mengelakkan konflik. Pada peringkat yang kedua, akan berlakunya insiden kekerasan. Tindakan kekerasan akan berlaku sama ada fizikal, lisan, emosi atau seksual. Tindakan ini termasuklah pemukulan, penghinaan, ancaman atau bentuk kekerasan lain. Pada tahap ini juga pelaku akan memuaskan dirinya dengan melihat pasangannya menjerit atau menangis.

Seterusnya, di peringkat yang ketiga dikenali sebagai fasa bulan madu. Pelaku akan meminta maaf kepada mangsa dengan menunjukkan penyesalan dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya. Selain itu, pelaku akan sering kali bersikap sangat prihatin dan penuh kasih sayang seolah-olah menjadi orang yang berbeza sehingga boleh membuatkan mangsa memaafkan pelaku dan memberi peluang kepadanya untuk berubah.

Sejajar dengan tujuan peringkat ini adalah untuk memanipulasi mangsa agar tetap berada dalam hubungan dan memaafkan pelaku.

Pada peringkat yang keempat iaitu tempoh ketenangan. Ketenangan ini bersifat sementara dan mewujudkan penafian terhadap diri mangsa. Mangsa akan cuba untuk menafikan pemikirannya bahawa pelaku akan mengulangi perbuatan atau tidak akan melakukan sebarang perubahan atas dasar perasaan cinta terhadap pelaku, takut terhadap keselamatan diri atau pengalaman trauma yang menjadikan mangsa sukar untuk mempercayai orang lain. Pada tahap ini, kitaran kekerasan akan berulang kembali jika tidak ada perubahan yang ketara.

Justeru itu, setiap masyarakat perlulah cakna mengenai kekerasan atau keganasan yang berlaku dalam rumah tangga. Ianya bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri namun anak-anak yang menyaksikan keganasan tersebut akan mengalami trauma dan kesan emosi yang negatif.

Masyarakat disarankan untuk meminta bantuan serta melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mendapati ada ahli keluarga, kenalan atau jiran yang terjerumus di dalam keganasan rumah tangga.

PENULIS Profesor Madya Dr Azmawaty Mohamad Nor adalah Timbalan Dekan (Program Ijazah Dasar) di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya manakala Nurfarahira Ahmad Yacob dan Nur Nadhirah Mat Nawi adalah Kaunselor Pelatih dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.



MANGSA merasakan diri terkurung, terperangkap dalam situasi keganasan rumah tangga. - Gambar hiasan



#TIDAK PASTI JANGAN KONGSI

**JANGAN
SEBAR
BERITA
PALSU**



PENGHANTARAN KOMUNIKASI YANG MEMPUNYAI
CIRI-CIRI TERSEBUT ADALAH SATU PERBUATAN
YANG DILARANG DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA 1998 (AKM 1998)

Lima kali gagal bermula

JURAI DAH PASAR KUIH TRADISI

KHAIRUL IDIN

MESKIPUN pernah gagal berkali-kali dalam perniagaan yang dicebur, namun semangat wanita yang dikenali sebagai **Juraiyah Tasim**, 48, tidak pernah pudar. Malah dia bangkit semula hanya kerana mahu membantu suami menyara keluarga tercinta.

Ujarnya kepada Wilayahku, kegagalan bermula satu ketika dahulu disebabkan kesukaran untuk mengenal pasti produk yang mampu menarik pembeli selain kurangnya ilmu dalam bidang perniagaan.

"15 tahun bukanlah masa yang singkat, lima kali saya jatuh tersungkur dan modal perniagaan lebur begitu sahaja. Pernah juga saya berputus asa tetapi bila fikir balik, apa yang boleh saya buat selain bermula.

"Sepanjang tempoh tersebut juga pelbagai produk saya jual antaranya pakaian dan kosmetik namun terpaksa ditutup kerana tiada sambutan dan berdepan dengan kerugian yang besar," ujarnya.

Bermula daripada situ, dia nekad untuk mencari gali ilmu sebelum memulakan bisnes kerana tidak mahu lagi berdepan dengan kegagalan seperti sebelum ini.

"Saya dibesarkan oleh ibu dan ayah yang juga merupakan peniaga di pasar tetapi saya akui ada betulnya kata-kata orang dahulu, jika orang tua pandai bermula belum tentu anaknya mewarisi kelebihan tersebut.

"Dahulu, saya beranggapan bermula ini mudah tetapi apabila lalui sendiri baru saya tahu peritnya ibu dan ayah mencari duit membesar kami adik-beradik," ujarnya.

Memandangkan Labuan merupakan antara lokasi tumpuan pelancong kerana keindahan pulauannya, maka dia mengambil

kesempatan untuk menjual pelbagai jenis kuih dan biskut tradisional tempatan.

"Saya melakukan penyelidikan terlebih dahulu sebelum memulakan bisnes secara kecil-kecilan kerana bimbang gagal seperti sebelum ini. Alhamdulillah ternyata ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya daripada pelancong.

"Seluruh mereka yang datang dari luar akan membeli kuih tradisional Borneo sebagai buah tangan untuk dibawa pulang tidak terkecuali juga dengan penduduk tempatan di sini," ujarnya yang mampu menjana pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan.

Dia kini menjalankan perniagaan di aras bawah Pasar Sentral Labuan dengan menjual lebih daripada 20 jenis kuih dengan harga bermula RM10 hingga RM40. Antara kuih yang mendapat permintaan tinggi adalah kuih cincin, amplang dan panjaram.

"Bukan hanya mementingkan keuntungan semata-mata tetapi saya gembira kerana dapat membantu pengusaha tempatan di pulau ini. Saya harap golongan muda juga agar tidak melepaskan peluang bermula sekali gus dapat memperkenalkan kuih tempatan kepada pelancong luar.

"Kuih tradisional tempatan merupakan tradisi turun-temurun yang saya kira perlu diuar-uarkan kepada luar. Ia mempunyai nilai yang tinggi dari segi warisan yang tidak akan luput zaman-berzaman. Sebagai pencinta kuih tersebut, saya berbesar hati untuk memperkenalkannya kepada pelancong," ujarnya.

Berterita lanjut, Juraidah berkata bagi perancangan masa hadapan, dia mahu menghasilkan produk kuih sendiri dan membuka kedai untuk memastikan bisnesnya lebih maju dan stabil.



"Insya-Allah saya dalam perancangan ke arah itu. Buat masa ini saya masih mengambil stok daripada pengusaha tempatan namun selepas ini mungkin saya akan usahakan sendiri dengan adanya pekerja sendiri.


"Saya mahu legasi kuih tradisional ini bergerak jauh pada masa hadapan dan yang pastinya akan diwarisi oleh anak-anak supaya ia tidak terhenti begitu sahaja.

"Dalam masa yang sama, saya juga berharap agar pihak yang berkaitan dapat memberi ruang dan peluang kepada peniaga untuk meluaskan lagi perniagaan kerana saya nampak laluan ini boleh mendatangkan keuntungan sekali gus membantu peniaga kecil di pulau ini," ujarnya.

harga
RM19.90

PAPADOM kini boleh didapati
di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus
baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.



BULAN PENUH GEMBIRA



ZULKIFLI SULONG

PERTAMA kalinya dalam sejarah hidup yang sudah melangkau angka 60-an ini, saya merasai Hari Merdeka ke-67 ini disambut paling meriah sekali.

Hampir kesemua komuniti membuat aktiviti dan acara sambutan masing-masing. Di komuniti kecil saya yang terletak di sebuah taman perumahan di Rawang ada empat acara sambutan berlangsung.

Menjelang tengah malam sebelum 31 Ogos pula, mercun dan bunga api berdentam-dentum di langit Malaysia. Ia tanda kemerahan sambutan tahun ini.

Yang menariknya juga, sambutan kali ini bukan sahaja diadakan oleh pihak kerajaan, jabatan dan badan-badan di bawahnya, sambutan kali ini juga dibuat oleh pihak pembangkang.

Di tempat saya, Perikatan Nasional (PN) menghimpunkan para penyokongnya pada malam menjelang 31 Ogos. Mereka menganjurkan pelbagai program atas nama sambutan kemerdekaan dengan menaikkan Jalur Gemilang.

Pendek kata semua rakyat Malaysia bersatu hati menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-67 ini.

Kemerahan ini bagi saya datang kerana rakyat negara ini sedang bahagia dan gembira dengan negara mereka. Ia adalah perasaan yang datang sendiri, bukan dibuat-buat atau ada kempen besar-besaran dengan belanja jutaan ringgit untuk menghasilkan suasana positif



dalam negara ini.

Pada setiap tahun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menganugerahkan bandar paling bahagia di negara ini. Tahun ini Cameron Highlands dipilih sebagai bandar paling bahagia di Malaysia.

Pada tahun ini, Malaysia telah dinamakan sebagai negara yang ke-5 paling bahagia di dunia. Ia berdasarkan laporan Mental State of the World yang dikemukakan oleh Projek Minda Global berdasarkan tinjauan melibatkan lebih 400,000 individu di 71 negara.

Menurut laporan organisasi penyelidikan neurosains, Sapien Labs, Malaysia di tangga ke-5 dengan mencatatkan 85 peratus.

Saya yakin, kalau ada pihak yang mengukur tahap kebahagiaan rakyat negara ini, maka bulan Ogos atau September 2024 ini adalah antara bulan paling bahagia dan penuh harapan untuk rakyat negara ini.

Sebelum ini, sebaik sahaja Barisan Nasional (BN) diumumkan menang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Nenggiri, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata minggu ini

penuh dengan berita baik dan barokah untuk Malaysia.

Antaranya pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa Keluaran Negara Kasar Malaysia (KDNK) meningkat 5.9 peratus untuk suku kedua tahun ini, melepas jangkaan awal 5.8 peratus.

Ia adalah peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding 4.2 peratus yang direkodkan untuk suku pertama tahun 2024 ini.

Berita baik yang ketiga, kata Fahmi, adalah pengumuman kenaikan gaji untuk penjawat awam yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 16 Ogos lepas.

Berita baik keempat adalah apabila Jabatan Statistik (DOSM) mengumumkan kadar inflasi yang rendah berbanding kenaikan inflasi seluruh dunia.

Kejayaan Malaysia membawa 40 rakyat Palestin yang sakit dan memerlukan rawatan bersama keluarga mereka masing-masing ke Malaysia juga menjadi berita gembira untuk rakyat negara ini selepas mereka sejak sekian lama membaca Qunut Nazilah untuk menghancurkan musuh umat Islam iaitu Israel.

Anwar pula memberikan jaminan, September ini akan penuh dengan berita gembira dan *reform* untuk rakyat Malaysia.

Beliau memberi gambaran September sebagai bulan pergerakan dan *reform* atau pembaharuan lebih besar dalam kalangan kakitangan awam.

Tegas Perdana Menteri, semua pihak perlu berusaha untuk meningkatkan kecekapan ke tahap 95 peratus.

Turut memberikan berita

gembira dan harapan yang membawa kepada Malaysia bulan ini adalah pengumuman keuntungan berganda yang dicatatkan oleh syarikat berkaitan kerajaan dan swasta di negara ini.

Malaysia Aviation Group (MAG) mencatatkan keuntungan bersih RM766 juta tahun lepas, iaitu buat pertama kalinya sejak tahun 2010 lalu. Ia diumumkan baru-baru ini.

Pendapatan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula melonjak 33 peratus iaitu sebanyak RM47.86 bilion. Ia sudah tentu akan memberikan pulangan lebih besar untuk mereka yang menabung melalui KWSP.

FGV Holdings Berhad, satu lagi syarikat kerajaan, pulih dari kerugian yang dialami selama ini apabila mencatatkan keuntungan bersih RM86 juta.

TH Plantation, sebuah anak syarikat Tabung Haji pula melonjakkan keuntungan 62 peratus untuk separuh pertama tahun ini manakala Sime Darby pula memperolehi untung dua kali ganda iaitu RM3.3 billion.

Pendek kata, semua berita gembira datang menjelang sambutan Kemerdekaan Malaysia yang ke-67 ini. Jadi tidak hairanlah semua pihak meraikan kegembiraan ini melalui sambutan Hari Kemerdekaan.

Semoga Allah rahmati Malaysia dan jadikan kebahagiaan ini kekal hingga kita bertemu Allah dan seterusnya berhimpun dalam syurga-Nya, Jannah.

INI adalah pandangan penulis untuk berkongsi kegembiraan dengan rakyat Malaysia.

Legi jaminan Zaliha



Van DRT makin popular

ORANG ramai dan warga kota khususnya tidak perlu bimbang mengenai tahap keselamatan di ibu negara akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, pada 23 Ogos lalu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memberi jaminan keadaan adalah selamat.

Dalam kejadian tersebut, seorang warga India, Vijayalethchumy, 48, terjatuh ke dalam lubang jerlus. Segala usaha mencari dan menyelamat (SAR) telah dilaksanakan untuk beberapa hari tetapi gagal menemuiinya. Setelah lebih seminggu, kerja mencari dihentikan.

Tambahan kerja mencari mencabar dan berbahaya kepada petugas terlibat. Terdapat risiko gas beracun, aliran air deras, laluan yang kecil serta aliran air kumbahan.

Selepas kejadian pertama, tanah jerlus kedua berlaku hanya 50 meter dari kawasan jerlus pertama pada 28 Ogos. Pada masa sama berlaku juga tanah jerlus

di Kampung Kerinchi pada 26 Ogos.

Ini menyebabkan wujud kebimbangan mengenai keselamatan keseluruhan di bandar raya. Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi percaya kebimbangan ini reda berikutan kenyataan Dr Zaliha. Beliau memberi jaminan keadaan di Kuala Lumpur adalah selamat di sebalik tragedi yang berlaku.

Jaminan ini sangat bermakna bagi warga kota agar mereka boleh melalui kehidupan sehari-hari dalam keadaan tenang. Keadaan di Jalan Masjid India juga sudah kembali seperti biasa. Orang ramai kembali sibuk dan aktiviti perniagaan lancar.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap kita sama-sama berusaha dan berdoa agar kejadian tanah jerlus tidak berulang. Kita percaya pihak berkuasa akan sentiasa memantau kawasan-kawasan yang dianggap berpotensi berlaku tanah mendap bagi mengelak kejadian tidak diingini.

DALAM usaha menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam, Prasarana Malaysia Bhd akan menambah 300 van baharu untuk perkhidmatan Demand Responsive Transit (DRT) berikut sambutan menggalakkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai menggunakan perkhidmatan ini sekarang. Van DRT memberi khidmat dari lokasi tertentu ke stesen Transit Aliran Ringan (LRT) berdekatan. Perkhidmatan ini di bawah operasi Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus).

Matlamat utama DRT ialah menyediakan kemudahan pengangkutan di kawasan tidak ada perkhidmatan pengangkutan awam atau frekuensi perkhidmatan tidak cukup kerap bagi memenuhi keperluan pengguna.

Van DRT menjalankan khidmat dalam lingkungan dua kilometer dari stesen LRT terpilih. Penumpang yang memerlukan khidmat ini perlu membuat tempahan melalui aplikasi. Konsepnya sama seperti tempahan e-hailing tetapi tambang DRT

jauh lebih murah, iaitu RM1 bagi setiap perjalanan.


Khidmat DRT bermanfaat kerana membantu menyelesaikan masalah keperluan pengangkutan awam di kawasan terpencil. Dengan tambang rendah, ia membantu golongan berpendapatan rendah merangkumi pelbagai usia dan latar belakang.

Penambahan 300 van, dijangka menjelang Disember tahun ini, akan merancakkan lagi perkhidmatan DRT. Ketika diperkenal pada Mei 2023, operasi van DRT hanya satu laluan sahaja. Kini perkhidmatan di Lembah Klang bertambah kepada sembilan laluan menggunakan 18 van.

Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri melihat perkhidmatan ini di stesen LRT Taman Melati, Setapak. Van DRT datang pergi dipenuhi penumpang. Purata kenaikan penumpang DRT ialah 32 peratus. Jumlah penggunaan keseluruhan yang dicatat sehingga Julai 2024 ialah 126,656 orang. Tentu angka ini telah meningkat.



W
SEMINGGU



ZHE HAN MESRA WARGA KINRARA

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kinrara, Yang Berhormat (YB) Ng Zhe Han mahukan kerjasama semua pihak dalam menjadikan kawasan Kinrara sebuah bandar yang membangun, harmoni dan seimbang.

Biarpun pelbagai rintangan serta cabaran yang mendarat, namun beliau rela menghadapinya dalam memastikan impiannya terlaksana demi warga Kinrara.

Beliau yang turut menggalas jawatan Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor ini sentiasa positif dalam menangani sebarang permasalahan serta memberikan solusi terbaik buat semua pihak tanpa membebankan penduduk di kawasan tersebut.

Ikuti wawancara eksklusif **YB NG ZHE HAN** bersama Wartawan Wilayahku, **SYED HAZIQUE** bagi menceritakan liku-liku yang dihadapi sepanjang berkhidmat sebagai wakil rakyat.



Apakah kejayaan yang berjaya dilakar sepanjang menjadi wakil rakyat?

Saya memandang semua usaha yang dibuat adalah untuk pembangunan kawasan Puchong dan Kinrara seluruhnya tanpa mengira latar belakang.

Kinrara sebagai satu DUN yang terbesar di Malaysia sekarang telah menjadi satu bandar yang rancak dengan pelbagai aktiviti ekonomi dari perindustrian hingga pusat-pusat komersial yang tersedia.

Ada kawasan kampung, pekan lama seperti Taman Kinrara dan banyak pembangunan baharu di sini. Oleh itu cabarannya adalah berbeza.

Saya boleh katakan untuk tempoh sejak 2013, kita dapat sediakan satu peluang kehidupan yang berdaya huni di kawasan Kinrara dengan ketersediaan pengangkutan awam yang baik seperti stesen transit aliran ringan (LRT), Bas Smart Selangor dan perkhidmatan bas yang disediakan oleh pihak Rapid Bus dan laluan-laluan pejalan kaki.

Untuk laluan-laluan sibuk yang mempunyai *bottleneck* dan *missing link* pula, kita cuba untuk lebarkan sedikit jalan atau sambungkan supaya trafik akan lebih lancar.

Apakah antara cabaran yang dihadapi YB dalam menguruskan kawasan?

Sememangnya terdapat banyak cabaran yang perlu ditempuhi tambah lagi aktiviti ekonomi di Kinrara ini banyak dan pelbagai.

Ia melibatkan beberapa agensi kerajaan dan latar belakang demografi yang berbeza. Antara

yang memberi kesan kepada saya adalah semasa kejadian pandemik COVID-19.

Pergerakan kita lumpuh dan ramai penduduk jatuh susah dalam sekilip mata.

Mujur ketika itu saya dapat panggilan daripada pelbagai pihak berkemampuan yang sudi menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan tenaga kerja untuk membantu mereka yang terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Masa ini kami luangkan kata-kata bersama masyarakat di Kinrara, Yang Mampu Bantu Yang Perlu dan Sayangi Kinrara.

Kita turun ke kawasan perumahan hulurkan bantuan kepada yang memerlukan bersama puluhan sukarelawan.

Selain itu, DUN Kinrara menjadi antara DUN yang menganjurkan saringan COVID-19 dan pusat vaksinasi sendiri yang dikawal selia Kementerian Kesihatan (KKM). Selepas krisis COVID-19, kita ada krisis pemulihan ekonomi untuk rakyat mula kembali bekerja dan cari pekerjaan dengan cepat.

Antara fokus utama YB dalam pembangunan kawasan ini?

Puchong sudah menjadi sebuah bandar yang membangun dan padat. Secara keseluruhannya, pembangunan komersial dan industri sudah pun cukup.

Jadi saya ingin wujudkan persekitaran untuk warga Kinrara supaya mereka mampu membina keluarga dan bekerja di sini sekali gus menjadi komuniti yang seimbang.

Oleh itu, selain kemudahan infrastruktur, saya usahakan



pembangunan kompleks sukan bertaraf antarabangsa di Taman Wawasan yang mempunyai gelanggang futsal, badminton dan turut mempunyai trek basikal di sekitar kompleks tersebut yang bakal siap tidak lama lagi.

Kita ada Taman Tasik Wawasan yang setiap hujung minggu penuh dengan komuniti. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MBSJ) juga sedang menaik taraf Taman Tasik Puchong Perdana supaya ia dapat menjadi setaraf dengan Taman Tasik Wawasan bagi kemudahan komuniti di sana.

Berapakah peruntukan yang diterima dan bagaimanakah ia diagihkan?

Secara dasarnya antara peruntukan yang tersedia di bawah Pejabat Ahli Dewan Negeri meliputi bantuan kebajikan, penganjuran program komuniti dan projek infrastruktur.

Sebahagian besar adalah bagi tujuan kebajikan dan penganjuran program-program.

Setiap tahun, terdapat lebih 100 program komuniti dan program anjuran Kerajaan Negeri diadakan di Kinrara dengan bantuan peruntukan daripada pejabat ADUN.

Bercakap tentang soal miskin tegar, berapa banyakkah jumlah yang terdapat di kawasan YB dan apakah yang telah dilakukan bagi mengatasinya masalah ini?



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta syarikat-syarikat korporat untuk menyampaikan bantuan yang bersesuaian.

Lambakan projek perumahan, kesesakan lalu lintas antara masalah utama yang dihadapi penduduk, apakah pendekatan atau jalan penyelesaian yang dibuat?

Di Puchong kita mempunyai jajaran rel LRT untuk kemudahan penduduk. Oleh itu, isu kesesakan lalu lintas dapat dibantu dengan adanya kemudahan ini.

Kita cuba sediakan kemudahan *First and Last Mile* kepada penduduk untuk ke LRT dan hentian bas supaya mereka tidak perlu memandu dan terus ambil pengangkutan awam ke destinasi.

Antaranya adalah kemudahan laluan pejalan kaki dan kemudahan *Van Demand Responsive Transit* yang diperkenalkan tahun lalu di sini.

Apakah harapan YB bagi tahun ini dan di masa hadapan?

Harapan saya adalah untuk membawa lebih banyak kemudahan kepada warga DUN Kinrara supaya mereka dapat hidup dalam keadaan harmoni dan seimbang.





LABUAN kini dalam fasa peralihan ke arah ekonomi digital.

Perkembangan ekonomi digitalisasi BERDAYA SAING

KHAIRUL IDIN

WILAYAH Persekutuan Labuan yang dikenali sebagai pusat kewangan antarabangsa serta industri minyak dan gas kini sedang melalui perubahan pesat dalam landskap perniagaannya susulan perkembangan ekonomi digitalisasi.

Teknologi dan digitalisasi kini memainkan peranan penting dalam transformasi perniagaan di Labuan dan ia mampu mengubah cara perniagaan dijalankan dan mencipta peluang baharu bagi pertumbuhan ekonomi pulau itu.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Dr Jaludin Janteng, perkembangan ekonomi digital di Labuan telah membuka peluang baharu bagi syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

Ujar beliau ekonomi digital bukan sahaja memudahkan urusan perniagaan, tetapi juga meningkatkan daya saing Labuan sebagai hab kewangan.



JALUDIN

"Menerusi penggunaan teknologi digital, perniagaan di Labuan dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan.

"Platform digital membolehkan syarikat untuk memperluaskan jangkauan pasaran mereka tanpa perlu bergantung kepada kehadiran fizikal, yang penting dalam persekitaran perniagaan moden," kata beliau kepada Wilayahku.

Tambahnya, Labuan kini dalam fasa peralihan ke arah ekonomi digital dan menyaksikan peningkatan penggunaan platform e-dagang, fintech dan teknologi kewangan lain yang membolehkan transaksi lebih cepat dan efisien.

Jaludin menjelaskan bahawa perkembangan tersebut akan membawa manfaat besar kepada usahawan tempatan terutamanya dalam menarik pelaburan asing dan memajukan

perniagaan mereka ke peringkat global.

Mengulas lanjut, beliau berkata memanfaatkan sepenuhnya potensi ekonomi digital adalah penting bagi syarikat di Labuan untuk terus melabur dalam teknologi dan inovasi.

"Kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta adalah penting dalam menyokong pembangunan infrastruktur digital yang kukuh di pulau bebas cukai ini.

"Ekonomi digital akan terus memacu transformasi perniagaan di Labuan sekali gus menjadikannya lebih kompetitif di arena global. Dengan inisiatif yang tepat, Labuan boleh menjadi peneraju dalam ekonomi digital serta membawa manfaat besar bukan sahaja kepada perniagaan tetapi juga kepada masyarakat setempat," tambahnya.

Terdahulu, Labuan yang diisyitiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984 merupakan wilayah kedua selepas Kuala Lumpur, kini mempunyai hampir 100,000 penduduk.

12,000 benih ikan siakap dilepaskan



BENIH ikan siakap dilepaskan menerusi Program Voluntourism.

JABATAN Perikanan Labuan mencatatkan lebih daripada 12,000 ekor benih ikan siakap air masin berjaya dilepaskan di Sungai Kinabenua, di sini sekitar tahun 2021 hingga 2023.

Menurut Pengarahnya, **Sufian Ahmad**, penganjuran program pelepasan benih ikan tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat untuk generasi akan datang.

Katanya, pelaksanaan program secara tahunan itu menyaksikan peningkatan yang baik sekali gus menjadi pemungkin kepada

Penduduk zahir terima kasih

DAHULUNYA Kampung Belukut yang terletak kira-kira 20 kilometer dari pusat bandar merupakan sebuah kampung yang serba kekurangan daripada segi pembangunan infrastruktur kemudahan asas.

Namun pada bulan Mei lalu kampung tersebut telah diiktiraf sebagai Kampung Angkat Madani.

Pengiktirafan tersebut mengubah nasib kampung yang didiami lebih 600 penduduk ke arah yang lebih baik serta pembangunan kemudahan infrastruktur dinaik taraf meliputi kemudahan bekalan air, elektrik, jalan raya, lampu jalan, Internet dan kemudahan penduduk.

Inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Belanjawan 2024 lalu memberikan nafas baharu kepada penduduk kampung itu dengan peruntukan RM2.5 juta daripada kerajaan menerusi Kementerian Kewangan.

Menurut Ketua Kampung Belukut, **Asmadi Ahmad**, pihaknya menzahirkan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada kerajaan dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) kerana memilih Kampung Belukut sebagai Kampung Angkat Madani.

Katanya pengiktirafan besar tersebut amat memberi makna

yang mendalam kepada pihaknya khususnya warga kampung.

"Antara projek yang telah diluluskan adalah naik taraf balai raya, gelanggang futsal serta pembinaan dewan terbuka, kebun komuniti, papan tanda dan jalan raya konkrit di semua simpang kampung.

"Kami amat bersyukur dan menghargai usaha pihak kerajaan demi kesejahteraan warga kampung.

Penambahbaikan tersebut mampu meningkatkan penglibatan penduduk dengan pelbagai aktiviti dan program yang memberikan kesan positif khususnya dalam menaikkan taraf hidup.

"Saya percaya taraf hidup penduduk di sini akan lebih baik dan lebih maju ke hadapan dalam pelbagai aspek terutamanya golongan anak muda," katanya ketika dihubungi.

Bagi penduduk kampung, Azhari Razak, 49, dia berharap inisiatif itu mampu menjadikan kampungnya lebih berdaya saing dan menjadi kampung contoh terbaik.

"Saya akui kampung ini sangat ketinggalan dan isu tersebut telah disuarakan selama bertahun-tahun, namun akhirnya kami dapat menikmati kemudahan yang selesa," katanya.



KERJA menaik taraf balai raya dan dewan terbuka sedang giat dilaksanakan.

pembangunan industri perikanan rekreasi bagi kawasan ekopelancongan di Sungai Kinabenua.

"Untuk kali ini, kita bersama-sama dengan pelbagai pihak agensi kerajaan melepaskan sebanyak 2,500 benih ikan siakap menerusi Program Voluntourism bersama para nelayan.

"Kita berharap program seperti ini akan menambahkan lagi pembiakan ikan siakap di perairan pulau ini dan dapat membantu para nelayan.

Selain itu, ia mampu menjamin dan memulihara kelestarian sumber darat di sungai ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

program tersebut.

Turut hadir Pengarah Tourism Malaysia Sabah, Haryanti Abu Bakar dan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Labuan, Khairul Amin Abd Rashid.

Dalam pada itu, Sufian menggesa orang awam yang memiliki ikan peliharaan agar lebih bertanggungjawab dan tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum.

"Tindakan itu akan menyebabkan ikan-ikan di kawasan tersebut menjadi mangsa kepada ikan asing yang bersifat lebih agresif," katanya.

Burung merbuk berkicauan

PENCINTA burung seluruh Malaysia dijemput hadir bagi memeriahkan Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk & Tekukur Putrajaya yang akan diadakan di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya pada 8 September ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pengajuran acara tersebut bertujuan sebagai platform bagi mengumpul semua penggemar burung merbuk di dalam dan luar negara untuk berkunjung ke pusat pentadbiran kerajaan itu.

"Setelah berjaya menganjurkan pertandingan di peringkat kebangsaan dan ASEAN pada pengajuran sebelum ini, pihak PPj berharap untuk meneruskan lagi acara ini pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang."

"Pengajuran Gurindam Merbuk Putrajaya bagi tahun 2024 pada kali ini menarik lebih ramai lagi penyertaan dan pengunjung yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat golongan sasar dari dalam dan luar negara."

"Padang Semarak di Taman

Wetland dijadikan lokasi Taman Burung Merbuk sekali gus sebagai tapak bagi Pertandingan Seni Suara Merbuk yang merupakan acara bulanan di Putrajaya," ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata pertandingan yang bermula pada pukul 8.30 pagi itu dilaksanakan untuk memberi peluang khususnya kepada warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya untuk mendapatkan pendedahan dan pengetahuan berhubung dengan teknik dan kaedah terbaik penjagaan burung merbuk selain membudayakan seni suara merbuk yang menjadi salah satu tradisi warisan negara ini.

"Pengajuran Gurindam Merbuk Putrajaya pada kali ini menjangkakan lebih banyak penyertaan pengunjung tempatan serta luar negara ke Wilayah Persekutuan Putrajaya."

"Keunikan dan kelunakan melodis suara merbuk ini mempunyai daya tarikan serta peminatnya yang tersendiri," ujarnya pengajuran program tersebut merupakan kerjasama pihak PPj bersama



PENCINTA burung seluruh Malaysia dijemput hadir bagi memeriahkan Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk dan Tekukur Putrajaya.

Jabatan Landskap & Taman serta rakan strategik iaitu Persatuan Seni Suara Merbuk Dan Tekukur Malaysia.

Terdapat aktiviti-aktiviti jualan produk untuk burung seperti

sangkar selain turut berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan aspek penjagaan burung merbuk.

Terdahulu, Pertandingan Seni Suara Merbuk (Peringkat ASEAN)

2016 turut diiktiraf Malaysia Book of Records (MBOR) kerana menerima sebanyak 1,237 penyertaan burung merbuk sekali gus menjadikan ia bilangan terbanyak dalam acara seumpamanya di Malaysia.

Floria Diraja Putrajaya 2024

CATAT 800,000 PENGUNJUNG

SYED HAZIQUE

FESTIVAL Floria Diraja Putrajaya (FRP) 2024 mencatatkan kehadiran lebih 800,000 pengunjung pada pengajuran kali ke-13 yang berlangsung selama 11 hari bermula pada 22 Ogos dan telah berakhir pada 1 September lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** menyifatkan kehadiran pengunjung pada festival tersebut amat menakjubkan.

"Saya nampak perjalanan dan sambutan FRP 2024 amat baik sekali dengan kunjungan daripada pelbagai peringkat masyarakat dalam dan luar Putrajaya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Apresiasi dan Penyampaian Hadiah Floria Diraja Putrajaya 2024 di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya baru-baru ini.

Tambah Zaliha, pengajuran Floria Diraja Putrajaya 2024 itu merupakan usaha menyokong kelestarian aspek pelancongan, sosioekonomi dan alam sekitar.

"Ini juga merupakan antara enam fokus utama dalam kluster Sejahtera@WP," ujarnya.

Majlis tersebut juga turut meraikan para pemenang pertandingan taman yang disertai daripada 30 agensi kerajaan dan syarikat korporat.



BUNGA mekar di Floria Diraja Putrajaya 2024.

"Syabas dan tahniah saya ucapan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atas kejayaan merangkul Floria Garden Prime Award 2024 dan Floria Most People's Choice Garden Award pada tahun ini."

"Kejayaan ini secara tidak langsung mencerminkan usaha pihak DBKL dalam memperkasa serta mempamerkan flora dan fauna bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah juga di Putrajaya," katanya.

Zaliha turut menyampaikan penghargaan kepada barisan pemenang-pemenang lain yang telah memberikan sebaiknya pada Floria Diraja Putrajaya 2024.

Penganjuran Floria Diraja

Putrajaya kali ke-13 anjuran PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan, bertemakan Raikan Bersama.

Bermula 2007, Floria Diraja Putrajaya merupakan salah satu produk pelancongan PPj bertaraf antarabangsa yang telah menarik ribuan pelancong dan pengunjung dari dalam dan luar negara ke Putrajaya.

Terdahulu, Bunga Petunia dipilih sebagai tema Floria Diraja Putrajaya 2024 kerana keunikan struktur pertumbuhan, keindahan warna kelopak bunganya yang cantik dan menjurai dapat menyuntik elemen estetika seumpama menerangi dan menceriakan para pengunjung.



ANTARA barang milik pengunjung yang tertinggal semasa pengajuran Floria Diraja Putrajaya 2024.

Kunci kereta antara tercincir

MYKAD, kad bank, kunci kereta dan telefon bimbit antara 45 barang penting milik pengunjung yang ditemui tertinggal semasa pengajuran Floria Diraja Putrajaya 2024 pada 22 Ogos hingga 1 September di Persisiran Tasik Presint 2 Putrajaya.

Gambar barang tersebut dimuat naik oleh pentadbir Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali gus mendapat pelbagai reaksi daripada orang ramai lebih-lebih lagi mereka yang tertinggal kunci kereta.

Rata-rata pengguna tertanyata sama ada pengunjung tersebut pulang ke rumah untuk mengambil kunci pendua terlebih dahulu sebelum berpatah kembali ke pengajuran Floria Diraja Putrajaya 2024 bagi mengambil kereta mereka.

"Masalahnya, benda lain tak apa lagi. Kunci kereta tu," komen Nor Muhammad Taufik di Facebook PPj.

"Kunci kereta tu, rasa-rasa depa (mereka) balik naik apa ya? Hehehe. pergi ambil kunci pendua la kot ya?" soal Nurul Fazaly.

"Yang tertinggal kunci kereta mesti dia balik naik taxi air," kata Muhammad Shahrom Redzuan Sapijan secara berjenaka.

Dalam pada itu, ramai yang memuji pihak PPj kerana menyimpan dan memuat naik gambar di Facebook supaya pengunjung peka mengenai kehilangan barang mereka.

Pemilik yang kehilangan barang tersebut boleh membuat tuntutan bermula 3 hingga 8 September di Kaunter Informasi Taman Botani Putrajaya, Presint 1 pada pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 hingga 5 petang.

Anda juga boleh hubungi pegawai PPj terlebih dahulu di talian 016-566 2546 (Liyyana) atau 013-967 9808 (Syahida).

Kekurangan fizikal bukan penghalang

EDDY PECAH REKOD ASIA DI PARIS

SABRINA SABRE

OLAHRAGA para negara, Eddy Bernard tidak melihat kekurangan fizikal menghalang dirinya daripada berjaya dalam hidup apatah lagi mengharumkan nama negara dengan menjelmakan kilauan pingat sulung Malaysia pada Sukan Paralimpik Paris 2024.

Eddy menghadiahkan pingat gangsa 100 meter (m) lelaki T44 (kecacatan fizikal) buat negara dengan catatan 11.58 saat (s) pada hari keempat Sukan Paralimpik 2024 di Stade de France.

Walaupun dilahirkan dengan keadaan tangan di mana sebahagian jari bersambung dan kaki kecil di bahagian kanan, atlet dari Beluran, Sabah itu sentiasa berfikiran positif malah sering meletakkan dirinya mampu untuk melakukan apa yang manusia dilahirkan dalam keadaan cukup sifatnya lakukan.

"Bila lihat orang lebih sempurna fizikalnya boleh buat, saya pun boleh. Saya selalu cuba positifkan diri saya."



EDDY BERNARD (kanan) tuai pingat pertama Malaysia di kota Paris.

"Kadang-kadang pernah rasa rendah diri namun saya cuba alih fikir benda lain dan lawan diri untuk sentiasa positif dan tidak berfikiran negatif," ujarnya.

Bukan sahaja memenangi gangsa, malah catatan masa 11.58s dilakukannya turut memecahkan rekod Asia terdahulu milik wakil Sri Lanka, Indika Gamage iaitu 11.75s

11.12s manakala pingat perak menjadi milik atlet Cuba, Yamel Luis Vives Suares dengan masa 11.20s.

Atlet berusia 23 tahun itu juga sememangnya dapat merasakan mampu menyumbang pingat pertama negara pada hari keempat temasya sukan berprestij dunia itu.

Dalam masa sama, Eddy berkata kata-kata azimat jurulatihnya, Hamberi Mahat sebelum pertandingan juga banyak membakar semangatnya melakar kejayaan tertinggi dalam karier sejak mula mewakili negara pada 2017.

"Coach kata bantai dan langgar sahaja, jangan banyak fikir, fikir diri sendiri sahaja," ujar anak bongsu daripada enam orang adik-beradik itu.

Pemenang perak Kejohanan Olahraga Para Dunia 2024 itu juga pada masa sama mahu mendedikasikan pingat gangsa dimenangnya kepada keluarga, Hamberi dan rakan-rakan atas dorongan diberikan mereka kepadanya selama ini. 

Pemain wanita pikat Kelab Hoki Uddingston

PRESTASI cemerlang tiga pemain wanita kebangsaan berjaya memikat Kelab Hoki Uddingston untuk menawarkan mereka beraksi dalam saingan Liga Hoki Premier Scotland 2024 bermula 15 September hingga 16 November depan.

Tiga pemain itu Khairunnisa Ayuni Mohd Sharuddin, Nurul Fatin Fatiah Azman dan Nur Afqah Syahzani Azhar telah pun berlepas ke Scotland pada Ahad lalu.

Bagaimanapun, ketiga-tiga mereka akan kembali ke Malaysia lebih awal pada 3 November bagi membantu pasukan kebangsaan yang dijadual bersaing dalam Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia (Wanita) 2024, November ini.

Jurulatih skuad wanita kebangsaan, Nasihin Nubli Ibrahim berkata aksi cemerlang mereka ketika siri Jelajah Cardiff itu berjaya menarik minat jurulatih Kelab Hoki Uddingston yang turut berada di Cardiff bagi menyaksikan perlawanan antara Malaysia dan Wales.

"Kami di barisan kejurulatihan wanita kebangsaan berharap mereka akan menggunakan peluang keemasan ini dengan sebaiknya bagi membantu meningkatkan lagi tahap permainan masing-masing selain mengutip seberapa banyak pengalaman berguna beraksi bersama pemain Eropah."

"Pasukan hoki wanita Scotland antara pasukan yang terkuat di



KHAIRUNNISA AYUNI (kanan), Nur Afqah Syahzani dan Nurul Fatin Fatiah terpilih menyertai Kelab Hoki Uddingston dalam Liga Hoki Premier Scotland 2024.

Eropah dan tentunya semua ilmu yang akan mereka bawa pulang ke Malaysia nanti sangat berguna untuk dikongsikan bersama rakan sepasukan," ujar beliau.

Menurut Nasihin, beliau percaya pengalaman mereka itu akan memberikan impak positif untuk pasukan kerana tempoh permainan dan tahap hoki pasukan di Eropah amat tinggi.

"Harapan kami tentunya mahukan mereka menterjemahkan semua ilmu yang mereka peroleh bersama pasukan kebangsaan,"

ujarnya.

Untuk rekod, ini bukan kali pertama pemain wanita kebangsaan berjaya menambat hati jurulatih luar negara untuk beraksi di liga mereka.

Sebelum ini, pemain kebangsaan seperti Farah Ayuni Yahya, Nuraini Abdul Rashid, Fatin Shafika Mohd Sukri, Wan Norfaiezah Md Sauti, Hanis Nadiah Onn, Julaini Mohamad Din, Nuramirah Shakirah Zulkifi dan Nur Maziatulhanim Syafi Sheik Fuad pernah beraksi di liga antarabangsa.

Promosi budaya Malaysia

TEMASYA Sukan SEA 2027 yang melibatkan penganjuran bersama Kuala Lumpur dan tiga negeri iaitu Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang dilihat mampu mempromosikan kepelbagaiannya budaya negara ini.

Menurut legenda olahraga negara, Datuk Marina Chin, selain mampu mempromosikan budaya Malaysia ia juga dilihat dapat mengurangkan kos Kerajaan Persekutuan dalam menganjurkan temasya dwitahunan itu.

"Saya rasa ini adalah idea yang bagus kerana negeri terlibat dapat menonjolkan keistimewaan masing-masing dan membantu kerajaan untuk jadi tuan rumah Sukan SEA.

"Masalah kita juga akan berkurang, lagi pula tidak perlulah semua berkumpul di satu tempat kerana nanti akan ada masalah logistik dengan lalu lintas dan sebagainya," ujar beliau.

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh memaklumkan tiga negeri iaitu Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang bersetuju untuk menjadi tuan rumah bersama-sama Kuala Lumpur bagi penganjuran Sukan SEA 2027 yang dianggarkan menelan kos RM700 juta.

Hannah menjelaskan kos itu tidak ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan tetapi dibantu tiga negeri dengan Sarawak menjadi penyumbang terbesar iaitu RM300 juta, Sabah RM100 juta dan Pulau Pinang RM15 juta.

Selain itu, beliau juga melihat kos anggaran bagi temasya dwitahunan pada 2027 iaitu sebanyak RM700 juta itu memadai dan boleh menampung keseluruhan acara yang bakal diadakan nanti.

Terdahulu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengesahkan Malaysia menerima tawaran daripada Persekutuan Sukan Sea (SEAGF) untuk menjadi tuan rumah temasya dwitahunan itu pada 2027.

Menurut Unit Komunikasi Korporat KBS, keputusan itu diumumkan selepas mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Rabu lalu bersetuju untuk bekerjasama dengan tiga negeri iaitu Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang bersama Kuala Lumpur.

Dalam kenyataan itu, negeri berkenaan menunjukkan komitmen mereka dengan bersedia menggunakan peruntukan masing-masing untuk menjayakan penganjuran Sukan Sea 2027. 

SENI MAKMUR, SENI MENYUBUR

SEGENAP lapisan masyarakat negara ini berjaya mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang berkat kemakmuran yang dinikmati sejak negara mencapai kemerdekaan.

Malah warga Sarawak yang menjadi anak perantau meninggalkan kampung halaman juga tidak ketinggalan mencipta pencapaian

tersendiri termasuklah dalam bidang seni.

Mereka berjaya mewarnai dunia hiburan dan mendapat tempat di hati peminat. Bersama wartawan **DEEL ANJER**, Wilayahku menemu bual artis popular Bob Yusof, Sharifah Zarina dan Nanasheme yang berjaya membuktikan kerja keras membuatkan hasil sekali gus menjadi inspirasi generasi muda. 

KL tempat cari rezeki

PELANTUN lagu Langit Ketujuh, **Sharifah Zarina** mengakui tidak mudah untuk dirinya mencapai cita-cita sebagai penyanyi di awal kemunculannya dahulu.

Menurut pemilik nama sebenar Sharifah Zarina Wan Hassan, dia masih ingat kenangan ketika berhijrah ke Kuala Lumpur demi menggapai impian itu.

"Dulu era 90-an, kebanyakan pertandingan nyanyian di Kuala Lumpur. Saya nekad ke uji bakat nyanyian semata-mata kerana minat menyanyi."

"Biarpun sedang dalam persediaan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya tetap ke KL untuk menyertai pertandingan Sinaran Passport Kegemilangan.

"Bayangkan, ketika masih bersekolah dan saya nak ke Kuala Lumpur dengan tiket yang mahal. Bukan macam sekarang ada tawaran tiket murah. Alhamdulillah saya berjaya ke KL dan memenangi pertandingan peringkat mingguan namun terpaksa melepaskan peluang kerana memberi tumpuan kepada SPM," ceritanya.

Menyifatkan rezekinya ketika itu di KL pada tahun 1999 dia kembali ke ibu negara dan bermulaalah episod untuk mencari peluang menjadi penyanyi.

"Akhirnya saya bertemu dengan komposer Azmeer, dari situ saya popular dengan lagu Langit Ketujuh sampai sekarang lagu itu jadi pilihan peminat.

"Banyak peluang yang saya dapat di KL dan dalam masa yang sama dapat mencapai impian menjadi penghibur. Semuanya merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan sampai bila-bila," ujarnya. 



Bijak cari peluang

SELEBRITI yang berasal dari Limbang, Sarawak, **Bob** mengakui untuk menjadi anak seni yang berjaya perlu mempunyai hati yang kental dan mental yang kuat.

"Pada awal mula-mula saya bertapak dalam industri muzik 20 tahun yang lalu, persaingan dalam industri kreatif ini sangatlah sengit. Cuma saya agak beruntung kerana berpeluang menyertai program realiti Akademi Fantasia (AF) musim kedua.

"Program itu memberikan sedikit kelebihan kepada kami. Ini kerana ketika itu AF menjadi satu trend baharu dan mendapat tempat di hati peminat. Kiranya di mana-mana sahaja orang bercakap tentang AF, katanya.

Menurut Bob yang popular dengan tagline mesra dalam AF berkata dia melalui dunia berbeza selepas tamat program realiti itu.

"Apabila menempuh atau masuk ke industri sebenar, cabaran saya adalah kena bersaing bagi mendapatkan tempat sebaris dengan penghibur Malaysia yang hebat-hebat ketika itu. Itulah realiti yang harus dihadapi.

"Apa yang saya tak boleh lupa, saya sering diajukan soalan tentang perbandingan rupa paras yang dikatakan paket penting untuk menjadi artis.

"Sehingga ketika itu saya berfikir, nak jadi artis ni kena kacak atau good looking baru boleh berjaya ke? Kalau tak ada macam mana? Tapi saya tak pernah beralih untuk meneruskan kerjaya sebagai penyanyi dan penghibur atau pekerja industri kreatif yang baik di belakang tabir," ujarnya.

Dalam pada itu, Bob juga sempat berkongsi tip buat anak-anak muda Sarawak yang mahu mencebur ke bidang seni.

"Apa yang saya boleh kongsikan adalah perlunya semangat juang yang tinggi dan cekal dan rajinlah mengasah bakat yang ada kerana kita tak tahu ada bakat terpendam lain," ujarnya. 



Perlu pandai jaga diri

PENYANYI lagu Hantu Atau Buaya yang berasal dari Kuching, Sarawak, **Nanasheme** berkata penghijrahannya ke Kuala Lumpur demi mengejar cita-cita bukanlah sesuatu yang mudah kerana terpaksa berjauhan dengan keluarga.

"Di awal pembabitan dalam nyanyian ini, saya perlu pindah ke KL. Sudah tentu apa yang paling menguji perasaan kerana saya ini seorang *family person*.

"Namun, itu bukan penghalang sebab bila sudah ada kerjaya, saya akan peruntukkan duit untuk tiket kapal terbang. Jadi kerap juga balik Sarawak atau kadang-kadang keluarga juga datang ke KL untuk berjumpa.

"Sebenarnya saya rasa beruntung mempunyai keluarga dan orang sekeliling yang sentiasa menyokong serta membantu diri ini menjadi seorang yang berdikari," katanya.

Nanasheme juga turut menasihati anak-anak Sarawak yang ingin menjadi selebriti atau membina kerjaya di KL untuk mempunyai persiapan

diri terlebih dahulu.

"Pesanan saya buat anak-anak Sarawak yang bekerja atau belajar di KL, kena pandai bawa diri. Apabila menjadi perantau, perkara penting adalah bijak menyesuaikan diri.

"Apabila datang ke tempat orang, perlu simpan duit. Selain untuk masa depan, duit itu bolehlah digunakan untuk membeli tiket kapal terbang bagi menjenguk keluarga di kampung.

"Dalam masa yang sama, sentiasalah berkongsi keberadaan kita bersama kawan atau rakan-rakan terdekat di KL. Di mana pun kita berada, sibuk macam mana sekalipun, sentiasalah update la nampak simple, tapi sebenarnya sangat penting. Jangan pandang remeh ya!" ujarnya.

Tambahnya lagi, dia berasa bangga kerana perjalanan seninya di Kuala Lumpur membawa banyak kenangan manis dan yang pastinya dia turut gembira hidup di ibu negara yang pesat membangun. 





Perlu pandai
jaga diri ▷▷23



Eddy pecah rekod
Asia di Paris ▷▷22

Minta ChatGPT ‘jadi’ arwah ibu

ELAK UNDANG KEKELIRUAN

DEEL ANJER

KECERDASAN buatan (AI) merupakan cabang sains yang mendapat perhatian di seluruh dunia saat ini. Teknologi tersebut membolehkan komputer atau mesin melakukan perkara rutin yang dibuat manusia termasuklah membuat keputusan mahupun menyelesaikan masalah. Malah teknologi ini juga telah digunakan dalam banyak bidang untuk mempermudahkan urusan serta meningkatkan produktiviti.

Salah satunya adalah Chat Generative Pre-Trained Transformer atau ChatGPT yang merupakan sebuah bot sembang kecerdasan buatan yang dibangunkan dan dilatih untuk mengadakan perbualan semula jadi. ia akan memberi respons kepada soalan yang dikemukakan.

Namun di sebalik kecanggihannya yang membawa banyak faedah kepada manusia, ia turut mempunyai risiko yang mampu mengelirukan pengguna lebih-lebih lagi kepada golongan kanak-kanak yang masih tidak mampu lagi berfikir secara logik.

Baru-baru ini tular di media sosial seorang pelajar menggunakan aplikasi ChatGPT bagi melepaskan rindu terhadap ibunya yang telah pun meninggal dunia.

Remaja tersebut memuat naik perbualannya bersama ChatGPT di laman sosial dengan membuat permintaan berbunyi “Boleh tak

pura-pura jadi mak (ibu) saya? Saya rindu arwah la.”

Permintaannya ditunaikan oleh ChatGPT yang sedikit sebanyak dapat mengubat kerinduan terhadap arwah ibunya. Namun terdapat segelintir netizen yang mempertikaikan tindakan pelajar tersebut berkongsi perbualannya di media sosial.


Merungkai persoalan tersebut, penceramah bebas, **Huzairi Idris** berkata apa yang diperkatakan oleh agamawan bahawa AI adalah salah satu cabaran dalam kehidupan hari ini adalah benar.

“Bagi pendapat saya, AI banyak kebaikannya kalau kita menggunakannya dengan cara yang betul. Namun ia dibimbangi digunakan lebih kepada untuk keburukan.

“Dalam situasi perbualan remaja tersebut di bot sembang, tujuan dia menggunakan aplikasi itu memang baik untuk menghilangkan rasa rindu, tapi dalam masa yang sana ia boleh mengelirukan.

“Ia nampak satu kebaikan untuk dirinya tetapi ia boleh juga menimbulkan kekeliruan kepada orang lain. Apabila seseorang itu sudah tiada, tiba-tiba kita buat sesuatu yang menunjukkan seolah-olah dia masih hidup. Ia sebenarnya boleh mengelirukan masyarakat,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurut beliau lagi, tidak menjadi kesalahan menggunakan



TIDAK menjadi kesalahan menggunakan aplikasi ChatGPT bagi melepaskan rindu namun biarlah untuk simpanan peribadi sahaja. - Gambar hiasan

aplikasi ChatGPT bagi melepaskan kerinduan kepada yang tersayang, namun biarlah untuk simpanan peribadi sahaja bukanlah tatapan umum.

“Dia boleh buat guna ChatGPT untuk melepaskan kerinduan, tetapi untuk dirinya sahaja tetapi sebaik-baiknya janganlah dikongsi dalam media sosial kerana boleh menimbulkan kekeliruan dan sebagainya.

“Walaupun ada kapsyen atau penerangan tentang perbualan antara dia dan ChatGPT, misalnya kapsyen rindukan arwah, namun ia boleh menimbulkan salah faham apabila ia dikongsi berkali-kali dalam

media sosial.

“Tak salah untuk simpanan peribadi kerana rindu itu lumrah dan naluri kita sebagai manusia yang tidak lepas daripada kesedihan lebih-lebih lagi kehilangan insan tersayang.

“Namun ada cara yang sebaik-baiknya untuk kita amalkan. Misalnya sedekahkan surah Al-Fatihah atau bacaan ayat suci Al-Quran dan sebagainya. Itu yang terbaik.

“Amalan-amalan sebegini sebenarnya lebih bermakna dan membantu orang yang telah meninggal dunia di alam sana. Menggunakan ChatGPT itu hanya

untuk kepuasan sendiri seperti mahu mengubat kerinduan tetapi ia tidak membantu arwah.” ujarnya.

Tambah beliau, dalam Islam terdapat cara dan adab yang boleh dipraktikkan apabila kita merindukan seseorang yang telah pun meninggal dunia antaranya adalah mendoakan si mati.

“Kekuatan doa itu adalah luar biasa apatah lagi kita dituntut untuk sentiasa berdoa kepada kedua ibu bapa kerana mereka telah banyak berjasa selain doa seorang anak merupakan antara amalan yang tidak akan putus walaupun kedua ibu bapanya telah meninggal dunia.

“Antara lafadz doa yang tepat kepada kedua ibu bapa adalah Ya Allah ampunilah dosaku dan dosa kedua orang tuaku dan kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihiku sejak kecil.

“Selain itu, sebagai seorang anak, kita boleh memanjangkan amalan soleh ibu bapa yang dilakukan ketika mereka masih hidup antaranya solat di awal waktu, berjemaah dan menjaga silaturahim,” ujarnya.

“Barangsiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan maka dia mendapat pahala sama seperti yang melakukannya.” - Riwayat Muslim (1893)

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: “Apabila matinya seorang insan akan terputus amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat buat dirinya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.” Riwayat Muslim (1631).

SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR

Diurus terbit oleh YWP MEDIA SDN. BHD. (1304797-X) bagi pihak Kelab Sukan dan Kebajikan YWP. Yayasan Wilayah Persekutuan Wisma YWP, No. 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur. Tel: 03-2698 3073 / 2073
Dicetak oleh: YBA Print Sdn. Bhd. (968296-W). No. 28, Jalan 12/152, Taman Perindustrian OUG, Batu 6 1/2, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur. Tel: 03-7773 2692